

Lampiran-Lampiran

LAMPIRAN I**REKONSTRUKSI TEKS****FASAL ILMU TASRĪH DAN ILMU TIBB (BAB 7 FASAL III) DALAM KITAB
BUSTĀN AL-SALĀTĪN OLEH NŪR AL-DĪN AL-RĀNĪRĪ****Pendahuluan**

Rekonstruksi semula teks ini amat penting kerana beberapa sebab. Pertama, teks ini adalah sebuah teks yang paling awal sekali yang diketahui hingga kini yang membincarkan beberapa aspek sains perubatan yang penting seperti anatomi, teori perubatan dan farmakologi serta satu senarai panjang materia medika dan kegunaan masing-masing. Nilai saintifik dalam manuskrip ini memerlukan pengkajian selanjutnya dan ini hanya dapat dilakukan dengan adanya sebuah teks yang telah dibina semula. Kedua; rekonstruksi ini perlu kerana manuskrip asal kebanyakannya dalam bentuk yang sangat diafik dan kepada orang yang tidak pernah terdedah kepada ilmu filologi dan kaedah membaca manuskrip lama adalah hampir mustahil dapat membaca dan memahami manuskrip ini. Ini ditambah lagi dengan kenyataan semua manuskrip yang ada adalah salinan dari manuskrip yang lebih awal, oleh itu terdapat begitu banyak kesalahan-kesalahan dan perubahan yang merosakkan nilai sebenar teks ini. Sebab ketiga mengapa rekonstruksi ini perlu dilakukan ialah untuk menyediakan satu bahan bukti tentang sejarah perubatan Melayu tradisional. Dan manuskrip ini ditunjukkan hubungan perubatan Melayu terutamanya dari tradisi bertulis dengan perubatan Arab dan Yunani.

Asas Rekonstruksi Teks

Untuk menyediakan satu teks daripada manuskrip-manuskrip yang jauh lebih muda dari manuskrip asal dan mempunyai pelbagai bacaan varian bukanlah satu tugas yang mudah. Pengkaji mestilah berhati-hati supaya hasil rekonstruksinya nanti bukanlah satu versi baru dengan pemilihan dan kemasukkan perkataan-perkataan baru secara sewenang-wenangnya dan yang jauh berbeza dari manuskrip asal¹.

Kerana tiada satupun daripada manuskrip yang ditemui oleh penulis dapat dianggap sebagai manuskrip arkitaip ataupun mewakili naskah asal yang kini belum ditemui atau sememangnya telah tiada, maka penyusunan semula teks ini menekankan usaha untuk mendapat satu naskah yang mempunyai kandungan yang paling hampir atau mirip dengan naskah asal². Untuk mengesahkan lagi bacaan dan pilihan yang dibuat oleh pengkaji beberapa manuskrip dengan tajuk yang sama telah dirujuk. Malah sumber luaran juga digunakan bila perlu untuk memastikan bacaan yang tepat dan ini dinyatakan dalam nota kaki untuk memberi ide yang jelas dan sebagai perbandingan. Rujukan silang dengan sumber luaran ini penting untuk menunjukkan hubungan antara teks ini dari segi isi dan kandungan dengan sumber lain. Begitu juga sebarang perbezaan kecuali perbezaan kecil yang tidak mengubah kandungan akan dinyatakan oleh pengkaji dibahagian nota kaki. Kerana kajian ini bukan sebuah kajian tentang teks maka penulis tidak membuat apratus kritis kecuali hanya memberi nota kaki secara langsung di bawah teks.

¹ Hal ini sangat ditekankan oleh ahli-ahli filologi supaya keaslian sebuah manuskrip itu dapat dikenalkan. Lihat misalnya Siti Hawa Haji Salleh, "Masalah Pengeditan Manuskrip Melayu", dalam *Sebutir Pasir*, (Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur, 1992)

² Asas yang sama telah digunakan oleh L. F. Brakel dalam mengedit *Hikayat Muhammad Hanafiyah*. Lihat Brakel, F.L. *Hikayat Muhammad Hanafiyah*, (terj.) (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1988)

Sejumlah dua buah manuskrip yang megandungi Fasal III dari Bab 7, Kitab Bustān al-Salāṭīn karya Nūr al-Dīn al-Rānīrī telah dikaji untuk menrekonstruksikan satu teks yang dapat dianggap menghampiri teks asal yang ditulis oleh beliau dalam abad ke 17 itu. Kedua-dua manuskrip ini adalah seperti berikut;

1. Manuskrip daripada Bibliothèque Royale de Belgique, Brussels. Manuskrip ini mempunyai nombor rujukan no. 21514. Manuskrip ini kemudiannya akan dipanggil sebagai Ms. A

2. Manuskrip milik Pusat Manuskrip, Perpustakaan Negara Malaysia. Manuskrip ini mempunyai nombor rujukan PNM. 1076. Manuskrip ini kemudiannya akan disebut sebagai Ms. B

Terdapat beberapa buah manuskrip lain lagi yang tidak dirujuk kerana terlalu dhaif dari segi ejaan dan tulisan serta banyak kandungannya telah ditinggalkan oleh penyalinnya.

Rekonstruksi teks ini banyak didasarkan kepada Ms.A yang terdapat dalam bentuk mikrofilem. Dari segi gaya tulisan dan maklumat-maklumat lain yang diperolehi manuskrip ini dijangka di salin dalam abad ke 19. Manuskrip B pula banyak membantu penulis membuat rekonstruksi teks kerana ia dapat di lihat dalam bentuk yang asli serta keadaanya masih baik walaupun telah lama disalin. Maklumat tentang penyalin dan tempat penyalinnya tidak dapat dikesan kerana beberapa halaman awal manuskrip ini telah hilang. Tetapi berdasarkan kesan tera air yang dapat dilihat pada kertas yang digunakan iaitu lambang perisai dan tertera tahun 1823, maka dapat dibuat kesimpulan teks ini telah disalin sekitar tahun 1830.³

³ Mengikut Russel Jones kertas jenis Eropah yang banyak digunakan dalam penyalinan manuskrip Melayu terutama dalam zaman penjajahan mengambil masa antara 5 hingga 8 tahun

Kesemua manuskrip yang bertulis jawi ini mempunyai kesalahan-kesalahan ortografik sehingga tidak mungkin dapat kita bergantung kepada sesebuah manuskrip sahaja. Nama-nama materia-medika dalam bahasa Arablah yang paling selalu disalah eja, dan ini memerlukan bantuan sumber luaran untuk memberi bacaan yang sewajarnya. Selain daripada itu kebanyakkan penyalin menyalin secara terus dari sumber yang lebih awal dan meneruskan apa sahaja yang disalin oleh penyalin yang terdahulu walaupun terdapat kesalahan dan menambah lagi dengan kesalahan-kesalahan yang baru. Contoh yang paling ketara ialah menyalin perut sebagai paruparu, dimana kesalahan ini terdapat dalam semua manuskrip yang dirujuk.⁴ Selain dari kesalahan yang boleh dikatakan disalah salin dari sumber yang terdahulu, kesalahan lain mungkin dibuat oleh penyalin manuskrip berkenaan sendiri. Misalnya, dalam Ms. A dan B, limpa (لمسن) telah disalah eja menjadi lemak (لمق). Dalam beberapa keadaan pengkaji menggunakan budi bicara sendiri untuk membuat pindaan yang difikirkan perlu. Walaupun ini mungkin dianggap keterlaluan oleh ahli-ahli filologi tetapi ia difikirkan amat perlu oleh pengkaji. Bila hal ini berlaku pengkaji memberi alasan-alasan ringkas dibahagian nota kaki.

Dengan merujuk manuskrip-manuskrip yang berbeza, dan menbandingkannya dengan sumber luaran, pengkaji memasukkan bacaan varian yang paling sesuai untuk membentuk satu teks yang lebih munasabah dan tepat. Sungguhpun begitu pemerenggan dan tanda baca adalah diberikan oleh pengkaji untuk memudahkan pembacaan manuskrip ini. Halaman asal Ms. A diberikan dalam tanda "[]" dan rujukan dalam kajian ini merujuk kepada halaman Ms. A. Selain daripada itu beberapa

untuk sampai ke destinasi ia digunakan dari kilang ia dihasilkan. Ini bermakna jika tera air pada sesuatu kertas mencatatkan tahun 1823 maka tarikh penyalinan manuskrip ini adalah antara tahun 1828 hingga 1830 an. Lihat Jones, Russell, dalam Kajian Malaysia, 1980.

⁴ lihat transkripsi teks dan nota kaki no. 16

tanda diberi iaitu tanda"[]" untuk menunjukkan ayat itu tiada dalam manuskrip asas iaitu Ms. A. Tanda"()" diberi untuk menunjukkan bahawa perkataan itu adalah tambahan pengkaji sendiri untuk menjadikan satu frasa itu lebih munasabah dan tepat.

Ayat-ayat al-Quran yang terdapat dalam manuskrip ini tidak disalin semula, hanya diberi rujukan di mana ia dikutip dari al-Quran di bahagian nota kaki. Terjemahan yang diberikan juga tidak diubah kecuali jika terdapat kekurangan dan kesalahan yang nyata daripada makna asal. Hadis-hadis tidak diberikan matannya kecuali terjemahan yang dibuat oleh Shaykh Nūr al-Dīn sendiri. Perkataan-perkataan Arab diberikan transliterasi mengikut sistem transliterasi yang dinyatakan di bahagian awal kajian ini. Sungguhpun begitu perkataan-perkataan yang sedia diterima dalam bahasa Melayu dikekalkan tanpa transliterasi.

Beberapa rujukan digunakan untuk membantu penulis menentukan nama materia medika dalam bahasa Arab, bahasa Melayu dan nama saintifiknya. Sumber-sumber ini ialah;

1. Ahmed Issa, *Dictionnaire des Noms des Plantes* (Dar al-Raed al-Arabi:Beirut, 1930)
2. Hakim Mohammed Said, *Al-Biruni's Book on Pharmacy and Materia Medica*, (Hamrad Foundation, karachi, 1973)
3. Burkhill, I. H., *A Dictionary of the Economic Products of Malay Peninsular*, 2 Vol.9 (London: Goverments Printers, 1935)
4. Levy, M., *The Medical Formulary or Aqrabdhin of al-Kindi*, (Madison: The University of Wisconsin Press, 1966)

Kitab Bustān al-Salātīn

BAB 7, FASAL III*

Inilah fasal yang ketiga pada menyatakan ilmu tasrīh¹ dan ilmu Tibb dengan barang yang takluk kepadanya serta dengan beberapa hikayat yang munasabah dengan dia. Adapun ilmu tashrih itu iaitu satu pengetahuan akan segala barang kejadian anggota yang di dalam wujud insan. Kata ulama bahawa kejadian insan itu terutama daripada segala kejadian makhluk yang lain seperti firman Allah Taala yang tersebut dalam Quran ertiinya adalah kejadian tujuh petala langit itu terlebih besar daripada kejadian manusia. Maka nyatahal seperti firman Allah Taala itu bahawa kejadian insan itu terlebih besar daripada segala kejadian.² Seperti sabda nabi S.A.W [87] ertiinya Tiada jua satu yang lebih baik daripada seribu sebagainya melainkan manusia.³

Kata segala ulama, ittifaq dengan segala hukama pada menentukan segala anggota yang wujud dalam wujud insan itu empat puluh. Pertama; kepala iaitu dijadikan Allah taala daripada tujuh tulang.⁴ Kedua; dua pipi dan dagu iaitu empat belas tulang dan tiga puluh dua gigi. Ketiga; tulang bahu iaitu satu tulang jua. Keempat; lengan itu suatu tulang jua. Kelima; hasta iaitu dua tulang. Keenam; belakang dan tapak tangan iaitu pun tujuh tulang. Ketujuh; tapak tangan iaitu empat tulang. Kedelapan; lima jari pada

* Rekonstruksi teks ini adalah berdasarkan Kitab Bustān al-Salātīn, Ms. no 21514, Bibliotheque Royale de Belgique, Brussels. Halaman asal Ms. ditanda dalam tanda [] dalam teks ini.

¹ Tasrīh (Ar.) = Anatomi

² al-Quran, al-Mu'min 40:57

³ Dalam Ms. B disebut sebagai "manusia".

⁴ Ahli-ahli perubatan Arab telah memberikan satu jumlah yang lain dari tujuh yang biasa diberikan oleh ahli perubatan Yunani. Mereka memberikan jumlah tulang tersebut sebagai lapan. Lihat, Muhammad Zubayr Siddiqi, *Studies in Arabic and Persian Medical Literature* (Calcutta: Calcutta University Press, 1959) hal. xiv.

tiap-tiap satu jari tiga tulang. Kesembilan; batang leher iaitu tujuh tulang. kesepuluh, halkum iaitu dua tulang. Kesebelas; dada iaitu tujuh tulang⁵

Kedua belas; belakang iaitu tujuh belas tulang. Ketiga belas; rusuk iaitu dua puluh empat tulang. Keempat belas; punggung iaitu tiga tulang. Kelima belas; ari-ari dua tulang. Keenambelas; paha iaitu satu tulang jua iaitu yang terbesar daripada segala tulang. Ketujuh belas; betis iaitu dua tulang. Kedelapan belas; tapak kaki dan belakangnya dan ada ia jarinya serta tumitnya iaitu dua puluh enam tulang.⁶ Kesembilan belas; tulang yang muda. Keduapuluh, segala urat yang besar dan yang kecil dan segala urat yang tegar.⁷

Kedua puluh esa; lemak. [88] Kedua puluh dua; daging. Kedua puluh tiga; kulit dan kuku. Kedua puluh empat; tulang yang tempat otak iaitu berpasak-pasak dan adalah otak itu putih lagi lembut akan pintunya kedua hidung akan mencium angin supaya jangan ia busuk.⁸ Kedua puluh lima, kedua mata iaitu tujuh lapis.⁹

Kedua puluh enam; kedua telinga iaitu kejadian daripada daging dan tulang muda dan urat yang tegar dan satu riwayat hadis bahawasanya dijadikan Allah Taala

⁵ Ayat ini telah tiada dalam Ms. B.

⁶ Dalam B disebut 20 tulang

⁷ Kitab-kitab *Tibb Nabawi* seperti yang ditulis oleh Al-Sayuti memberikan maklumat-maklumat tentang jumlah-jumlah tulang dalam badan manusia berdasarkan riwayat-riwayat dan hadis Nabi S.A.W. Al-Sayuti meriwayatkan sebuah hadith yang mengatakan bahawa jumlah sendi dalam badan manusia ialah tiga ratus enam puluh. Lihat *Tibb-ul Nabbi or Medicine of the Prophet*, terj. Elgood, C., hal. 173.(selepas ini akan disebut sebagai al-Sayuti). Pembahagian tulang dan urat serta jumlahnya ini mempunyai beberapa persamaan dengan pembahagian Ibn Sina dalam *Qānūn Fi Tibb*, Lihat Mazhar H. Shah, *The General principles of Avicenna's Canon of Medicine*, 54 - 79.(selepas ini akan disebut *Canon* sahaja)

⁸ Ibn Sina menyebut fungsi hidung adalah untuk menyamankan otak dengan mengambil udara segar dari luar oleh paru-paru, lihat *Canon*, hal. 59

⁹ Dalam bidang oftalmologi, semua ahli-ahli sains Islam membahagikan mata kepada tujuh lapis, misalnya Ibn Rusyd dalam kitabnya *al-Kuliyat*, lihat Hassan Kamal, *Encyclopaedia of Islamic medicine*, hal. 26. Lihat juga Elgood, C., *A medical History of Persia*, hal. 345.

bagi segala insan itu air masin pada kedua mata dari kerana kejadiannya daripada limpa jua jika tiada air masin nescaya hancurlah kedua mata dan dijadikan air pahit di kedua telinga dari kerana ia akan menahani daripada masuk segala binatang yang melata dan dijadikan Allah Taala hangat dari kedua lubang hidung kerana mencium angin jika tidak demikian itu nescaya busuklah otak dan dijadikan air masin pada kedua bibir supaya merasai lazat segala sesuatu lagi didengar manusia perkataannya. Kedua puluh tujuh; lidah iaitu kejadian daripada daging yang lembut lagi merah rupanya serta beberapa urat dan seperti firman Allah taala tersebut dalam Quran ertiinya tiadakah kami jadikan insan itu dengan dua mata dan satu lidah dan dua bibir.¹⁰

Kedua puluh delapan; jantung itu kejadiannya daripada daging iaitu terlebih daripada segala daging bujurnya seperti [89] jantung pisang, tempat kediamannya sama tengah dada dan kepalanya cenderung ke kiri¹¹ dan warnanya seperti biji delima. Kata Jalinus al-Hakim¹² bahawa adalah di dalam jantung itu dua rongga satu ke kanan dan satu ke kiri dan adalah terlebih darah rongga yang kanan jua. Dan adalah jantung itu dua urat¹³ sampai ke otak. Apabila datang suatu kepada hati yang tiada dimuafakat dengan perangai maka terketarlah ia maka daripada ketarnya itu jadi tergeraklah kedua urat sampai ke otak itu maka daripada itulah jadi ketar¹⁴ badan insan. Dan ada pula satu urat kecil iaitu peti-peti hati apabila sampai kepada suatu percitaan terkecutlah urat itu titiklah darahnya kepada peti-peti hati itu menjadi terperahlah darah dari dua urat besar yang sampai kepada otak itu maka datanglah

¹⁰ al-Quran, al-Balaad 90:8

¹¹ Mengikut kitab al-Maliki, Jantung ini cenderung ke kiri kerana disitulah terletaknya "al Ruh al-Haywaniyah". Lihat Ullmann,M.,*Islamic Medicine*, hal. 65.

¹² Jalinus Hakim (Ar.) = Galen of Pergamum (129 - c200 AD) pengikut Hippocrates. Karya-karya beliau termasuk dalam bidang anatomi seperti *De Anatomicis Administrationibus* telah diterjemahkan ke bahasa Arab dan digunakan dengan begitui meluas oleh ahli-ahli perubatan Islam. Untuk Jalinus, lihat *EI*, s.v. "Djalinus" (R. Walzer)

¹³ Dua urat yang dimaksudkan ini ialah *carotid arteries* (Irqa Subat, Ar.). Lihat Ullmann,M., hal. 62.

¹⁴ Dalam B dieja "tergugat"

kesakitan atas hati manusia hingga jadi pitamlah, apabila keras yang demikian itu maka datanglah maut. Kedua puluh sembilan; dada iaitu kejadiannya daripada daging dan urat yang tegar.

Ketiga puluh, ma'ida¹⁵ iaitu perut seperti kendi yang bersarang-sarang seperti labah-labah iaitu kejadiannya daripada daging yang lembut dan urat besar dan kecil iaitu tempat mencernakan makan makanan, daripada hangat dijadikan Allah S.W.T dalam ma'ida¹⁶ dan adalah pada keliling ma'ida itu hati dan limpa dan jantung. Dan hancurlah makan-makanan itu jadi cairlah dinamai ahli al-Tibb akan dia [90] khilos.¹⁶ Adalah tempatnya kediaman ma'ida itu antara pusat dan ari-ari pada pihak kiri.

Ketiga puluh esa; perut seni iaitu kejadiannya urat yang tebal dan seni-seni dan lemak.¹⁷ Ketiga puluh dua; hati iaitu kejadiannya daripada daging yang baik dan urat-urat yang seni dan ada baginya peti-peti itupun memasakkan cair yang dimasakkan ma'lidat itu jua maka dijadikannya darah dinamainya ahli al-Tib akan dia kimos¹⁸ dan daripada quodus yang cair itu jadi safra iaitu (air) hempedu, dan yang keruh kerahnya jadi sauda iaitu tempat kediamannya pada limpa. Ketiga puluh tiga, hempedu iaitu suatu kendi-kendi yang kecil lekat pada hati, kejadiannya daripada urat yang tegar. Ketiga puluh empat, limpa iaitu serupa dengan hati jua tetapi ia kecil lagi biru

¹⁵ Semua manuskrip yang diteliti memberi erti mi'dat sebagai paru-paru (فُرْء) tetapi mi'dat sebenarnya adalah perut. Kesilapan ini mungkin berpunca dari silap salin penyalin-penyalin yang terkemudian yang sepatutnya menulis (فُرْت) dan bukan (فُرْء). Penulis asal manuskrip ini sedar bahawa mi'dat itu adalah perut. Ini berdasarkan kepada terjemahan hadis-hadis yang menyebut mi'dat yang diterjemahkan kemudiannya sebagai perut. Lihat juga hadis dibahagian akhir manuskrip ini sebagai contoh.

¹⁶ Khilos ini ialah cairan hasil dari proses pencernaan makanan peringkat pertama. Lihat Browne, E.G., *Arabian Medicine*, hal. 121.

¹⁷ Dalam Ms. B disebut "urat yang tebal yang seni dan lemak" dan bukannya "kejadiannya daripada daging"

¹⁸Kimos ini adalah cairan air hempedu kerana itu ia dikenali dalam bahasa Arab sebagai *al-khit' as-Saudawi*. Lihat Ullman, *Islamic Medicine* hal. 59. Browne dalam bukunya tidak pula menyebut tentang Kimos ini.

warnanya dan berongga-rongga, kejadiannya daripada daging yang keras dan urat, iaitulah tempat kediamannya sauda. Ketiga puluh lima, paru-paru iaitu kejadiannya daripada daging yang lembut [dan urat]¹⁹ iaitu tempat kediamannya balgham.

Ketiga puluh enam, kedua buah hati²⁰ iaitu kejadiannya dari daging yang keras warnanya hampir kepada warna lembayung lagi sangat lemak iaitulah tempat kemih. Ketiga puluh tujuh, mathānat iaitu kembung-kembungan tempatnya antara ari-ari dan dubur, dan zat kejadiannya daripada perhimpunan urat besar dan kecil iaitu kendi kemih. Ketiga puluh delapan, balad al ḥayy kejadiannya daripada daging [91]yang putih lagi lemak beberapa urat besar dan kecil iaitu tempat kejadian mani. Ketiga puluh sembilan, zakar iaitu kejadiannya daripada daging yang sedikit dan urat yang tegar dan urat yang besar dan urat yang seni. Keempat puluh, rahim perempuan iaitu ada baginya leher yang bujur seperti bunga tanjung yang kuncup pada pohonnya, dua buah seperti [bunga]²¹ songsang, tempat kediamannya antara pusat dan kembung-kembungan iaitulah tempat bentangnya.

Kata segala hukama²² iaitu Bukrat²³ dan Sokrat²⁴ dan [Jalinus]²⁵ dan Aristotles²⁶ dan lain daripada itu pun beberapa hakim, berkata segala mereka itu, bahawa Allah Taala menjadikan tiap-tiap anggota manusia itu beberapa tulang dan urat dan lain dari itu. Dan adalah kubah kepala manusia itu dijadikan daripada tengah

¹⁹ Dalam Ms. B

²⁰ Buah hati = ginjal

²¹ Dalam Ms. A ialah "zakar"

²² Dalam Ms. A perkataan yang ada ialah ulama. Perkataan yang lebih sesuai untuk merujuk tokoh-tokoh ini ialah hukama kerana perkataan hukama ini boleh dipakai kepada tokoh-tokoh falsafah greek yang lebih terdahulu daripada tamadun Islam.

²³ Bukrat= Hippocrates dari Cos (c 460 - 370 BC). Doktor Greek yang dikenali sebagai "Bapa perubatan". Karya-karya dan pemikiran beliau mengenai perubatan diketahui melalui karya-karya Galen.

²⁴ Sokrat = Socrates (469 - 399BC)

²⁵ Dalam B

²⁶ Aristotle (384 - 322BC)

enam puluh tulang dan tempat pencium dan tempat aql itu dijadikan daripada tujuh tulang dan antara tempat pencium dan leher itu dijadikan daripada tiga puluh²⁷ tulang dan batang leher itu dijadikan daripada tujuh tulang dan belakang (manusia)²⁸ itu dijadikan daripada dua puluh empat tulang.

Dan segala anggota yang lain daripada itu dijadikan dua ratus delapan²⁹ tulang dan jumlah tulang di dalam badan manusia itu tiga ratus enam puluh³⁰ Dan urat itu dijadikan tiga ratus enam puluh dan dan otak itu dijadikan tiga ratus enam puluh mithqal³¹ dan darah itu dijadikan lima ratus tujuh puluh titik dan tiap-tiap berat setitik itu suatu mithqal dan adalah segala tulang dan [92] urat besar dan urat kecil dan tulang muda yang pada wujud insan itu sekelian kira-kira [seribu]³² sembilan ratus sembilan puluh tiga banyaknya dan dijadikan segala rambut itu dua belas laksa empat ribu.³³

Maka adalah manusia itu berlapis-lapis seperti firman Allah Taala dalam Quran ertinya Bahawasanya Aku jadikan kamu itu bersusun-susun daripada beberapa susun. Syahdan, Adalah pada tiap-tiap sekelian anggota itu seorang malaikat mengawal dan

²⁷ Ms. ini memberikan jumlah semua tulang sebanyak tiga puluh. Tetapi setelah disemak dengan Kitab *Taj Us-Salatin* Karya Bukhari alJauhari jumlah yang diberikan ialah tiga puluh dua. *Taj Us-Salatin* juga memberikan jumlah tulang yang lain sama banyak dengan yang diberikan oleh *Bustān al-Salātīn*, kecuali dibeberapa tempat. Lihat *Taj Us-Salatin*, hal. 12

²⁸ Walaupun kedua-dua Ms. tidak memberi perkataan "manusia" ini tetapi ia terdapat dalam *Taj Us salatin* yang dikarang lebih awal berbanding daripada *Bustān as-Salātīn*.

²⁹ Terdapat berbagai-bagai variasi bacaan. Variasi bacaan yang digunakan disini ialah daripada Ms.B.

³⁰ Jumlah ini berbeza dari jumlah yang diterima dalam zaman awal perubatan Islam iaitu sebanyak 248 tulang Ibn Sina juga dalam *Qanun Fi Tibb* memberikan jumlah tulang dalam badan manusia sebanyak 248 tulang (lihat *Canon*, hal. 78) Manakala jumlah otot (Ms. ini menyebut sebagai urat) dalam badan adalah sebanyak 527. Manakala 360 pula ialah jumlah pembuluh darah atau urat darah. Lihat Elgood, C. *Safavid Surgery*, hal. 27. Bandingkan juga dengan Mazhar Shah, *Canon*, hal. 56

³¹ Mithal = 1 3/7 dirham , di mana secara teorinya berat setiap dirham ialah 3.54 gram, Lihat S.K. Harmaneh, *Health Sciences in Early Islam*. Vol II, hal. 55.

³² Dalam B

³³ Dalam yunit kiraan orang Melayu satu laksa bersamaan dengan sepuluh ribu. Oleh itu dua belas laksa bersamaan dengan seratus dua puluh ribu

memelihara akan dia supaya dapat sekalian insan dengan sihat.³⁴ Dan lagi firman Allah ertinya bahawasanya Kami jadikan adam daripada tanah yang terpilih maka Kami jadikan anak Adam itu daripada nutfat iaitu mani empat puluh hari lamanya tetap dalam rahim perempuan maka kami jadikan nutfat itu alaqat iaitu darah yang beku empat puluh hari lamanya maka kami jadikan Alaqat itu mudghat iaitu daging segumpal empat puluh hari lamanya maka jadilah dalam mudghat itu tulang [93] maka kami selaput tulang itu dengan daging maka kami jadikan insan itu dengan kejadian yang lain iaitu dimasukkan ke dalamnya nyawa. Maha besar dan Maha suci Allah yang terlebih baik daripada segala yang menjadikan.³⁵

Dan lagi firman Allah Taala dalam Quran ertinya Sesungguhnya Kami telah mencipta manusia dari setitis mani yang bercampur yang Kami hendak mengujinya, kerana itu Kami jadikan ia mendengar dan melihat. Sesungguhnya Kami telah menunjukkan jalan yang lurus, ada yang bersyukur dan ada yang kafir.³⁶ Bahawasanya insan itu Kami jadikan daripada mani lelaki tempatnya pada belakang, perempuan tempatnya pada antara susu keduanya. Maka mani lelaki itu putih lagi likat dan mani perempuan itu kuning lagi cair.³⁷ Jika ghalib mani lelaki itu atas mani perempuan maka jadilah anak itu serupa bapanya dan jika ghalib mani perempuan atas mani lelaki maka jadilah anak itu serupa ibunya.³⁸ Adapun segala urat dan tulang itu jadi daripada bapanya. Adapun daging dan darah dan rambut dan romah itu jadi daripada ibunya.

³⁴ al-Quran, al-Insyiqaq 84:19

³⁵ al-Quran, al-Mu'minun 18:12-14

³⁶ al-Quran, al-Insan 76:2-3. Terjemahannya tiada dalam manuskrip-manuskrip yang dikaji.

³⁷ Kenyataan ini berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Ibn 'Abbās. Lihat Al-Sayūti, hal. 166.

³⁸ Kenyataan ini juga berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Anas, lihat Al-Sayūti, hal. 166.

Maka Kami jadikan insan itu mendengar lagi melihat bahwasanya Kami tunjukkan akan dia jalan yang sebenarnya adakala ia memilih jalan mukmin yang berbahagia, atau jalan kafir yang celaka. Dan firman Allah Taala dalam Quran ertinya bahwasanya dijadikan Allah Taala insan itu betul benar lagi sempurna kejadiannya.³⁹

Syahdan, adalah pada tiap-tiap sekelian anggota itu ada seorang malaikat mengawal dan memelihara dia supaya dapat segala insan itu hidup dengan sihat. Maka segala anggota anggota yang tersebut itu adalah semuanya [94] berlainan khasiatnya. Insyaallah lagi akan disebutkan fakir perkataan-perkataannya dalam tibb.

Kata Ibn 'Abbās r.a bahawa dijadikan Allah Taala bagi insan itu tujuh anggota, pertama tangan kedua dan kaki kedua dan lutut kedua dan muka dengan tujuh anggota itulah ia sujud akan Allah Taala. Kata setengah ulama bahawa tujuh anggota insan itu pertama otak, kedua urat yang seni, ketiga urat yang besar, keempat tulang, kelima daging, keenam darah, ketujuh kulit.⁴⁰

Bermula segala barang yang ada dijadikan Allah S.W.T dalam tujuh petala langit dan tujuh petala bumi itu adalah pada wujud insan. Kata ahli isyarah bahawa adalah dijadikan Allah Taala pada wujud insan itu seperti barang yang dijadikan Allah Taala pada ketujuh langit dan ketujuh petala bumi ada pada jasad insan itu zahirnya dan bathinnya. Demikianlah ada mithal, langit itu bathinnya dan bumi itu zahirnya maka barang ada dalamnya keduanya itu pada wujud insan. Maka adalah wujud insan itu bernama alam kabir, bumi dan langit dan barang yang ada antara keduanya itu

³⁹ al-Quran,al-Ala 87:2

⁴⁰ Ikhwan as-Safa menyebut terdapat 9 anggota yang penting iaitu, tulang, otak, urat yang besar, urat yang seni, darah, daging, kulit, kuku dan rambut. Lihat Nasr, S.H., *An Introduction to Islamic Cosmological Doctrines*, hal. 99

bernama alam sahir.⁴¹ Dan kejadian insan itu terlebih baik daripada semesta sekalian dari kerana terhimpun dalamnya segala barang yang ada dalam langit dan bumi.

Maka ada bagi langit itu tinggi demikianlah bagi insan itu kelakuannya berdiri, dan ada bagi langit itu matahari dan bulan dan ada bagi insan itu matanya kedua. Dan ada [95]bagi langit itu bintang dan ada bagi manusia itu segala giginya dan ada bagi langit itu berkitar-kitar maka ada bagi manusia itu perjalanananya. Dan ada bagi langit itu hujan, maka adalah bagi insan itu air matanya dan ada bagi langit itu kilat gemerlap maka adalah bagi insan itu kejip matanya.⁴² Dan lagi pula suatu mithal, ada bagi alam itu arsy maka ada bagi insan itu badannya dan ada bagi alam itu kursi maka adalah bagi insan itu nafas dan ada bagi alam itu Bait al- Ma'mur maka adalah bagi insan itu hatinya.⁴³

Dan ada bagi alam itu segala malaikat maka ada bagi insan itu nyawa dan ada bagi langit itu bintang zuhal maka adalah bagi insan itu ilmu dan ada bagi langit itu bintang mustari maka adalah bagi insan itu pengingat dan ada bagi langit itu bintang marikh maka ada bagi insan itu 'aql dan ada bagi langit itu matahari maka ada bagi insan itu fikir dan adalah bagi langit bintang zahra maka ada bagi insan itu cita-cita dan ada bagi langit itu bintang 'utārid maka adalah bagi insan itu khayal dan ada bagi langit itu bulan maka adalah bagi insan itu terang 'aql.

⁴¹ Walaupun manusia disebut sebagai alam sahir tetapi ini merujuk kepada hakikat kewujudan manusia dari segi rohaniannya dan bukan dari segi bentuk fizikalnya. Sebagai perbandingan ide ini dengan idea Syeikh Nuruddin ar-Raniri dalam kitabnya *Asrar al-Insan*, Lihat Ahmad Daudy, M.A., *Allah dan Manusia dalam konsepsi Syeikh Nuruddin ar-Raniry* (Penerbit Rajawali, Jakarta, 1983)

⁴² Perbandingan seperti ini biasa dilakukan oleh Ikhwan al-Safa dalam menekankan konsep manusia sebagai mikrokosmos. Lihat Seyyed Hossein Nasr, *An Introduction to Islamic Cosmological Doctrines*, hal 101.

⁴³ Pemithalan tentang 'Arsy, Kursi dan Bait al-ma'mur ini selalu digunakan dalam falsafah dan pemikiran tentang tasawuf di Asia tenggara ini misalnya dalam syair oleh Hamzah Fansuri. Lihat Syed Muhammad Naquib al-attas, *The mysticism of Hamzah Fansuri*, University of Malaya press, Kuala Lumpur, hal. 6.

Dan suatu mithal lagi pula ada bagi langit itu 'arsy maka adalah bagi mukmin itu hematnya iaitu tinggi lagi besar daripadanya dan ada bagi langit itu syurga maka ada bagi mukmin itu hatinya terlalu elok daripadanya kerana syurga itu tempat lazat keinginan maka adalah hati itu tempat makrifat dan yang ampunya syurga [96] itu Ridwan maka yang memeliharkan hati mukmin itu Rahman. Dan suatu mithal lagi pula barang yang dijadikan Allah Taala pada sekelian alam itu iaitu adalah sekelian pada wujud insan maka ada bagi langit itu matahari maka ada pada hati mukmin itu makrifat dan ada bagi langit itu bulan maka ada bagi insan itu aql dan ada bagi langit itu segala bintang dan ada bagi insan itu ilmu dan ada pada udara itu angkasa maka ada bagi insan itu cita-citanya.

Dan dijadikan Allah Taala langit itu dua belas buruj demikianlah dijadikan Allah Taala dalam wujud insan itupun dua belas buruj jua, pertama Ḥaml iaitu telinga, keduanya Ṣur iaitu batang leher, ketiga jauzā' iaitu tangan, keempat Saratān iaitu susu, kelima Asad iaitu dada, keenam Sunbulat iaitu perut seni, ketujuh Mīzān iaitu pusat, kedelapan 'Aqrab iaitu zakar, kesembilan Qhaus iaitu gigi, kesepuluh Jady iaitu perut, kesebelas Dalw iaitu betis, kedua belas Ḥūt iaitu tapak kaki kedua. Dan ada lagi dijadikan Allah Taala pada langit tujuh bintang demikianlah dijadikan Allah dalam wujud insan itu pun tujuh bintang juga, pertama, Syamsi iaitu jantung, kedua mustari iaitu hati, ketiga qamar iaitu paru-paru, keempat zuhar iaitu buah hati, kelima zuhal iaitu limpa, keenam marikh iaitu hempedu, ketujuh utarid iaitu [97] otak.⁴⁴

⁴⁴ Pengetahuan astronomi dan astrologi yang mengaitkan antara bintang-bintang dengan perwatakan manusia dan perlakuannya serta untung nasibnya telah popular dalam masyarakat Melayu-Islam lama dahulu lagi. Ini terbukti dengan adanya ilmu-ilmu sedemikian dalam kitab-kitab seperti *Tajul Muluk* dan *Mujarabat Melayu*. Malah sebuah karya Abu Mashar al-Falaki, seorang ahli astronomi Islam yang masyhur, telah diterjemahkan ke bahasa Melayu dan diberi nama *Kitab Bintang Dua Belas*.

Dan lagi dijadikan Allah Taala dalam alam itu enam jihat dan demikian lagi dijadikan Allah taala dalam badan insan itu enam jihat jua, pertama bawah, kedua atas, ketiga kanan, keempat kiri, kelima hadapan, keenam belakang.⁴⁵ Dan lagi dijadikan Allah Taala dalam badan insan itu Khams Hawas zahir dan khams hawas batin iaitu (lima) pancaindera zahir dan (lima) pancaindera batin. Adapun pancaindera itu lima perkara pertama pencium pada hidung, kedua perasa pada lidah, ketiga penglihat pada mata , keempat pendengar pada telinga, kelima penyentuh pada segala tubuh.

Adapun pancaindera batin itupun lima perkara jua, pertama khayal tempatnya pada ubun-ubun, kedua wahm tempatnya disisi khayal jua, ketiga fikir tempatnya disisi wahm jua, keempat faham tempatnya disisi fikir jua, kelima hafaz tempatnya pada kesudahan kepala di atas kuduk.⁴⁶ Dan lagi dijadikan Allah Taala dalam wujud insan itu empat jauhar. Pertama; Rūḥ, kedua; 'asyiq, ketiga; 'aql, keempat; nafs. Dan dijadikan Allah Taala bagi ruh itu empat sifat iaitu empat perkara nafsunya, pertama; ammarat, kedua; lawwamat, ketiga; malhamat, keempat; mutma'innat.⁴⁷ Maka adalah empat perkara jauhar itu takluk pula dengan empat anasir, pertama angin takluknya dengan ruh, kedua air takluk ia dengan aql, ketiga api takluk ia dengan 'asyiq, keempat tanah takluk [98] dengan nafs demikian empat perkara nafs itu takluk dengan empat anasir

⁴⁵ Dalam karyanya yang lain iaitu *Hujjat al-Siddiq*, pengarang ini juga memberikan satu hairaki kejadian makhluk, dan skima ini mempunyai beberapa persamaan dengan dokrin Ikhwan as Safa. Enam jihat (arah) dalam badan manusia ini adalah salah satu peringkat kejadian makhluk (manusia) yang dijadikan oleh Allah.Lihat syed muhammad Naqib al-Attas, *A Commentary on The hujjat al-Siddiq of Nūr al-Dīn al-Rānī*, hal. 403. Untuk hurain lebih lanjut tentang doktrin kosmologi Ikhwan Al-Safa. Lihat juga Nasr, S.H.,*An Introduction to Islamic Cosmological Doctrines*, hal. 51.

⁴⁶ Pembahagian yang diberikan oleh Nuruddin al-raniri ini adalah mengikut Abd. Karim al Jili, seorang ahli tasawuf Islam yang banyak mempengaruhi pemikirannya tentang fisiologi dan psikologi. Lihat dalam Gruner, O. Cameron, *The Canon of Medicine of Avicenna*, hal. 139.

⁴⁷ Nafs-nafs ini mempunyai peringkat-peringkat yang berbeza serta mempunyai fungsi penting dalam konsep kesihatan seorang muslim, nafs mutma'innah ialah tingkat yang paling stabil , diikuti oleh nafs malhamah dan tingkat yang tidak baik untuk aspek psikologi dan fisiologi manusia ialah nafs ammarah. huraiyan yang lebih lanjut boleh didapati dalam Muhammad Salim Khan, *Islamic medicine*,hal. 31

jua, pertama ammarat takluk ia dengan api kedua lawwamatt takluk ia dengan angin, ketiga malhamatt takluk ia dengan air, keempat mutmainnatt takluk ia dengan tanah.

Sebermula lagi barang yang dijadikan Allah S.W.T dalam bumi itu adalah dalam wujud insan, bahawa ada bagi bumi gempa maka ada bagi insan itu gerak-gerak tubuhnya dan ada bagi bumi itu tetap maka adalah bagi insan itu sabar menahan hatinya dan ada bagi bumi itu mata air dan sungai maka adalah bagi insan itu uratnya. Dan ada bagi bumi itu tumbuh-tumbuhan maka ada bagi insan itu rambutnya dan ada bagi bumi itu bukit dan batu maka adalah bagi insan itu segala tulang dan sendi dan ada bagi bumi itu laut maka adalah bagi insan itu perut.

Dan ada bagi laut itu ikan maka adalah bagi insan itu gelang-gelang demikianlah lagi ada bagi bumi itu segala binatang maka ada bagi insan itu kuman⁴⁸ dan enau. Dan ada bagi bumi itu segala unggas dan segala binatang yang jinak dan binatang yang liar dan binatang yang buas-buas dan binatang yang melata maka adalah bagi insan itu segala perangai yang jahat dan perangai yang baik.

Kata Sheikh 'Abd Allāh Yaāfi Rahmatullah,⁴⁹ adalah hamba sangat masghul hati hamba kerana melihat perangai segala manusia itu berlain-lainnya maka hamba pohonkan [99] kepada Allah Taala kenyataan-Nya maka diilhamkan Allah taala akan hamba ayat ini,⁵⁰ ertinya tiada ada segala binatang yang berjalan di bumi dan segala unggas yang terbang itu melainkan adalah bagi jenis seperti kamu jua, yakni adalah

⁴⁸ Dalam B "kutu"

⁴⁹ Semua manuskrip yang diperiksa menulis sebagai Sheikh Abdullah al-Sufi, tetapi pengkaji yakin bacaan yang betul ialah Syeikh 'Abd Allāh al-Yaāfi. Nama sebenar beliau ialah 'Abd Allāh bin Asad al-Yaāfi. Beliau dilahirkan di Yaman dalam tahun 1298 dan meninggal dalam tahun 1367. Karya beliau *Rawd al-Rayibin*, yang menghimpunkan sejumlah 499 anekdot merupakan rujukan Syeikh Nūr al-Āfīn al-Rānīn dalam mengarang Kitab Bustān al-Salātīn ini.

⁵⁰ al-Quran, al-an'am 6:38

tiap-tiap haiwan itu masing-masing jenis setengah unggas terbang di udara dan setengah haiwan berjalan di bumi dengan empat kaki dan setengah melata di bumi dan setengah haiwan buas adalah ia seperti kamu mencari rezki dan makanan dan minuman dan memelihara akan diri dari kebinasaan. Kata Syaikh 'Attār⁵¹ adalah haiwan itu seperti kamu juga kepada tauhid dan makrifatnya kepada Allah Taala.

Kata Sheikh 'Abd Allāh al Ya'āfi, maka setelah itu maka hamba sidik kepada segala manusia maka hamba lihat setengah perangai sangat marah seperti perangai harimau dan setengah seperti perangai merpati dan setengah perangai serigala dan seperti perangai kala dan setengah seperti perangai anjing maka hamba bersahabat dengan mereka serta hamba perlakukan perangai hamba maufakat dengan perangai mereka itu.

Seperti hikayat ada seorang lelaki pada zaman dahulu kala hairan melihat ia perangai segala manusia masing-masing berlainan perangainya dan perbuatannya. Maka iapun pergi kepada gurunya serta katanya, "Ya Tuan Sheikh apa sebabnya maka segala manusia itu berlain-lainan perangainya?", di mana didengar oleh Sheikh kata murid lalu diberinya dirham akan membeli yang dikirimnya. Maka murid itu pergila hingga sampai ia kepada pekan maka tiada dilihatnya dalam pekan itu seorang pun manusia melainkan segala haiwan juga yang dilihatnya. Adapun satu kedai rajawali dan pada suatu kedai lagi dilihatnya seekor tikus dan pada suatu kedai lagi seekor anjing dan pada suatu kedai lagi seekor serigala dan lihatnya pada suatu kedai lagi seekor harimau dan pada suatu kedai lagi dilihatnya seorang lelaki tua tiada ada pada kedainya itu suatu juga pun jualan. Kelekian maka muridnya ini kembalilah hingga sampai ia kepada gurunya serta katanya, "Ya Tuan Sheikh tiada hamba dapat dalam

⁵¹ Sheikh Atar yang dimaksudkan ialah Faradudin al-'Attār.

pekan itu seorang jua pun daripada manusia melainkan seorang lelaki tua", dan segala yang dilihat pada segala kedai itupun dikhabarkan kepada gurunya itu. Maka sahut gurunya itu,"Hai anakku tahukah engkau bahawa mereka itulah segala manusia hanyasanya dinyatakan Allah Taala kepada mu rupa hal batinnya mereka".

Dan pada suatu mithal lagi pula dijadikan Allah Taala bagi alam itu geruh api maka ada bagi insan itu tabiat safra dan ada bagi alam itu geruh hawa maka ada bagi insan itu darah dan ada bagi alam itu air maka ada bagi insan itu balgham dan ada bagi alam itu bumi maka ada bagi insan itu tabiat sauda. Dan ada bagi alam itu tujuh lapis, masing-masing [100] pada warnanya itu, pertama; hitam, kedua; kelabu, ketiga; warna cempa layu, keempat; kuning, kelima; putih, keenam; biru, ketujuh; hijau. Demikian ada lagi bagi insan itu tujuh lapis, pertama; kulit, kedua; lemak, ketiga; daging, keempat; segala urat yang seni-seni, kelima; segala urat yang besar-besar, keenam; segala tulang yang lembut, ketujuh; segala tulang yang tegar.

Ada dijadikan Allah Taala bagi alam itu segala binatang yang berlain-lainan rupanya seperti gajah dan kuda dan kaldai dan harimau dan anjing dan babi dan ayam dan rajawali dan tikus dan semut dan ular dan kala dan barang sebagainya daripada segala binatang, demikianlah dijadikan Allah Taala bagi insan itu berlain-lainan dan berbagai-bagai perangai seperti marah dan memakas dan perkelahian dan perbantahan dan berbuat aniaya dan menaruh dendam dan mencuri dan berbunuhan bunuhan dan merebut dan berbuat khianat dan tamak dan loba dan kikir dan tiada malu lagi tiada sopan dan penakut dan bebal dan halpa dan tiada pengingat isi rumahnya dan barang baginya.

Syahdan, ada bagi bumi itu air empat perkara, pertama; air [pahit]⁵², kedua; air manis, ketiga; air busuk, keempat; air masin, maka ada bagi insan itu empat bahagi air, pertama; air pahit iaitu air telinga kerana keluarnya itu daripada hempedu, kedua; air masin iaitu air mata kerana keluarnya daripada hati, ketiga; air busuk [101] iaitu iaitu pada hidung kerana air itu daripada otak⁵³, ketiga; air manis iaitu air daripada mulut kerana keluarnya daripada jantung.

Syahdan, bahawa tempat fikiran itu dalam otak dan tempat hayal itu di dalam mata dan tempat faham itu di dalam telinga dan tempat ilmu itu di dalam dada⁵⁴ dan tempat 'aql itu di dalam hati.

Maka sempurnalah kejadian insan itu dari kerana itulah disifatkan Allah Taala akan dia seperti firman Allah Taala dalam Quran ertiinya Kami jadikan insan itu sebaik-baik kejadian,⁵⁵ yakni berdiri betul lagi elok perinya lagi dihiasi dengan 'aql dan membezakan baik dan jahat. Kata Hasan Rahmatullah bahawa adalah dijadikan Allah Taala pada insan ini dan permulia Allah akan dia dengan tangan qudrat-Nya dengan rupa Malik dan Malakūt , dijadikan antara zulumāt dan nur lagi dianugerahi akan dia rūh dan rahsia dan asyik dan syok dan nur dan marifat dan ilmu dan aql dan faham dan firasat dan mendapat segala bahasa seperti firman Allah Taala dalam Quran ertiinya di dalam wujud mu maka tiada(kah) kamu lihat.⁵⁶ Maka fikirkan oleh kamu hai insan pada kejadian mu dan jangan [102] lali daripada mengenal dirimu. Seperti Sabda Nabi ertiinya terlebih makrifat daripada kami akan dirinya inilah yang terlebih makrifat akan tuhannya maka barang siapa mengenal dirinya dengan dhaif dan fana maka

⁵² Dalam A disebut air hangat

⁵³ Dalam B disebut paru-paru

⁵⁴ Dalam B "Jantung"

⁵⁵ al-Quran,at-Tiin 95:4

⁵⁶ al-Quran, al-Dzaariyat 51:21

dikenalilah tuhannya yang kuasa lagi Baqā' dan barang siapa mengenal dirinya dengan Adam nescaya dikenalilah tuhannya dengan Qadīm maka barang siapa mengenal dirinya dengan sempurnanya serta dilakukan dengan syara' nabi S.A.W maka maka ialah yang bernama insan yang kamil lagi menjunjung amanat Allah. Dialah yang beroleh martabat mulia seperti firman Allah Taala yang tersebut dalam Quran ertinya Tatakala berfirman Tuhan kepada para malaikat bahwasanya Aku hendak menjadikan insan itu daripada tanah yang kering hitam berubah-ubah yakani busuk maka apabila Aku sempurnakan kejadiannya maka Aku masukkan ke dalamnya daripada rūh Aku,maka sujud malaikat akan dia dengan sujud ta'zīm dan takrīm.⁵⁷

Setelah selesai faqir daripada menyatakan ilmu tasrih maka dimulai oleh faqir setengah daripadanya kitab ilmu Tibb itu. Kata segala tabib bahawa ilmu tibb itu iaitu pengetahuan akan ehwal badan insan dan memelihara sihat tubuh lagi menyembuhkan segala [103] penyakit daripada segala wujud.⁵⁸ Maka adalah kata ulama, Tibb itu terhimpun dalam dua patah kata ini. Seperti firman Allah Taala dalam Quran ertinya makan dan minum kamu dan jangan berlebih-lebihan bahwasanya Allah Taala tidak mengasihi orang yang makan dan minum yang berlebih-lebihan.⁵⁹ Kata ahl al-mufassirin bahwasanya Allah Taala menghimpunkan ilmu Tibb dalam dua patah kata ini.

Adalah ilmu tibb itu amat besar faedahnya seperti sabda Nabi S.A.W ertinya yang alim itu dua perkara pertama ilmu agama, kedua; ilmu Tibb. Kata segala ulama ittifāq dengan segala hukama bahwasanya Allah S.W.T menjadikan segala makhluk

⁵⁷ al-Quran, al-Hijr 15:28

⁵⁸ Taarif yang diberikan ini selari dengan taarif oleh Ibn. Sina iaitu "Medicine (Tibb) is the knowledge of the states of the human body in health and decline in health: its purpose is to preserve health and endeavour to restore it whenever lost" Mazhar h. Shah, Canon, hal. 17.

⁵⁹ al-Quran, al-Araaf 7:31

daripada insan dan haiwan dan nabat dan jamad tiada sunyi segalanya itu daripada empat anasir tetapi berlebih dan kurang pada kejadian anasirnya. Maka yang pertama itu nar iaitu api khasiatnya hangat lagi kering kedua Hawa iaitu angin, khasiatnya sejuk lagi hangat, ketiga mā' iaitu air, khasiatnya sejuk lagi basah, keempat Turāb iaitu tanah, khasiatnya sejuk lagi kering.

Maka daripada empat anasir itulah jadi sembilan tabiat, pertama; hararat iaitu hangat . Kedua; Buyūsal iaitu kering iaitu jadi daripada api. Ketiga; Burūdat iaitu sejuk. Keempat; Ruṭūbat iaitu basah. [104]Kelima, Hārr iaitu hangat lagi kering . Keenam; Hārr Raṭb hangat lagi basah. Ketujuh; Bārid iaitu sejuk lagi kering. Kedelapan; Bārid Raṭb iaitu sejuk lagi basah. Kesembilan; Mu'tadil iaitu sederhana.

Kata segala tabib apabila masuk ke dalam perut insan itu segala makan makanan maka dipermasak hararah perut akan dia hingga mencerna maka menjadi kimos iaitu makan-makanan yang cair seperti kanji maka dihisap perut yang seni akan yang cair itu hingga sampai kepada satu kendi-kendi yang sisi hati itu , maka dipermasak hararah hati hingga akan dia jadi khilos namanya bagi seperti yang tersebut pada ilmu tasrih itu. Maka jadilah cairan itu terbahagi atas empat bahagi, pertama; dam iaitu darah, kedua; balgham, ketiga; safra, keempat; sauda.

Adapun darah itu khasiatnya hangat lagi basah, warnanya merah, tempat kediamannya pada hati. Adapun balgham itu khasiatnya sejuk lagi basah tempat kediamannya pada paru-paru, faedahnya membasahi segala anggota dan jadi makanan apabila tiada di dalam perut itu suatu makanan. Adapun safra itu khasiatnya hangat lagi kering, tempat kediamannya pada hempedu, faedahnya menenangkan

darah dan membasah segala perut [seni]⁶⁰ daripada segala hampas dan balgham. [105]Adapun sauda itu khasiatnya sejuk lagi kering tempat kediamannya limpa, faedahnya melayankan darah dan jadi akan makanan tulang dan dibuang hampas ke dalam perut iaitu membawa lapar.⁶¹

Syahdan maka barang yang tubuh ada di dalamnya sederhana daripada empat perkara ini maka sejahteralah tubuh daripada penyakit. Dan jika ghalib salah satu daripada yang empat itu maka masuklah penyakit daripada itu.⁶² Dan barang salah satu daripada empat perkara itu jadi kurang maka masuklah penyakit daripada pihak itu.

Dan dijadikan Allah Taala di dalam badan insan itu empat quwwat, pertama; qūwwat al-Jādhiba iaitu qūwwat memerlankan, kedua; qūwwat al-māsika iaitu qūwwat menahani barang yang telah diperlannya, ketiga; qūwwat al-hādīma iaitu qūwwat mencernakan segala makanan, keempat; al-dāfiā iaitu qūwwat mengeluarkan barang sesuatu yang didalam badan insan. Maka apabila lebih (atau) kurang salah satu daripada empat perkara ini maka datanglah penyakit daripada pihak itu.⁶³

Ketahuilah oleh mu bahawasanya segala anggota itu tujuh perkara, pertama; Qalb iaitu jantung seperti sabda Nabi S.A.W ertiinya ketahui olehmu bahawasanya ada di dalam jasad manusia itu segumpal daging apabila iabaik nescaya baik sekelian

⁶⁰ Dalam B

⁶¹ Untuk penjelasan lebih lanjut tentang tempat kejadian dan fungsi-fungsi humor yang empat ini sila lihat Ullman, *Islamic Medicine*, hal. 58.

⁶² Ayat tidak terdapat dalam Ms. A

⁶³ Keempat-empat qūwwat atau kuasa yang dibincangkan oleh Nuruddin dalam manuskrip ini ialah kuasa yang ada dalam "natural faculties" mengikut pembahagian ahli-ahli perubatan islam seperti Ibn Sina.Lihat Hakim Md. Abdur razak and Dr. (Mrs) Ummul Fazal, *Report on Arab (Unani) Medicine and The State of kuwait*", 1977, hal. 13. Lihat juga Ullman, *Islamic Medicine*, hal. 60 -61.

jasad [106] dan apabila ia jahat nescaya jahatlah sekelian jasadnya, iaitu qalb tempat singahsana rūh. Dan akan rūh itu sayugianya bagi sekelian kita menahani lidah daripada menyatakan sifatnya; dari kerana bahawasanya ditanyai Yahudi akan Nabi S.A.W daripada asal nyawa, maka tiada disahut oleh nabi Allah akan dia, maka diturunkan Allah ayat ini ertinya (Jika) ditanyai segala Yahudi akan dikau Muhammad daripada hakikat rūh maka sahut oleh mu akan mereka itu bahawa rūh itu daripada Qalam Tuhan mu dan tiada dianugerahi akan kamu daripada ilmu itu melainkan sedikit juga.⁶⁴

Kedua; Dimāgh iaitu otak. Ketiga; kabad iaitu hati. Keempat; Balad al ḥayy. Kelima; Ri'at iaitu paru-paru. Keenam; ma'idat iaitu perut seperti sabda Nabi S.A.W ertinya yang ma'idat itu umpama sebuah qalam di dalam badan manusia dan segala urat itu sampai kepadanya. Apabila ma'idat itu baik nescaya terbitlah daripada urat itu sihat dan apabila ma'idat itu jahat nescaya terbit daripada urat itu penyakit. Ketujuh; zakar iaitu tempat menyampaikan mani kepada rahim perempuan.

[107]Kata ulama ittifāq segala hukama bahawa hal umur manusia itu terbahagi kepada empat bahagi,⁶⁵ pertama; hal umur manusia itu naik tubuhnya iaitu daripada permulaan umur hingga sampai kepada tiga puluh tahun iaitu umur orang muda, tetkala itu ghalib padanya anasir api dari kerana itulah segera marah dan sangat memangkas. Kedua; hal umur manusia itu muafik iaitu terhenti daripada tiga puluh tahun hingga sampai kepada empat puluh tahun iaitu kesempurnaan umur orang muda, tatkala itu ghalib padanya anasir angin, dari kerana itu segera padam marahnya serta membicara dengan bicara yang sempurna. Ketiga; hal umur manusia itu turun

⁶⁴ al-Quran, al-Isra 17:85

⁶⁵ Pembahagian umur seperti skima ini terdapat dalam *Qānun Fi Tibb* oleh Ibn Sīnā, Lihat *Canon*, hal. 31.

kuatnya iaitu daripada empat puluh tahun hingga sampai kepada enampuluh tahun, iaitu tengah tubuh hingga datang kesudahan umur iaitu ghalib padanya anasir air, dari kerana itulah tetap segala bicaranya dan telah helah segala harurahnya. Keempat; hal umur manusia itu bertambah dhaifnya iaitu kemudian daripada enampuluh tahun hingga sampai kepada kesudahan umur sampai tabiatnya itu seratus dua puluh tahun⁶⁶ iaitu ghalib padanya anasir tanah dari kerana itulah ia merendahkan dirinya serta membicarakan mautnya.

Adapun tubuh kanak-kanak itu hangat lagi basah dengan sederhana dan tubuh orang muda itu hangat dan basah jua tetapi terlebih hangatnya dan tubuh orang yang tengahan dan orang yang tua itu sejuk lagi kering tetapi yang sangat tua itu basah perangai tubuhnya.⁶⁷

Kata ahli tibb bahawa segala [108]pekerjaan yang tiada didapat tiada bagi segala manusia itu enam perkara.⁶⁸ Pertama; hawa iaitu adat yang tersangat dikehendaki oleh segala manusia supaya ia sentiasa daripada mencium hawa itu dan mengeluarkan daripada hawa barang yang hangat dan sejuk. Kedua; makan dan minum, iaitu memberi bekas pada badan. Ketiga; harakat dan sukun iaitu gerak dan diam, bahawa yang terbaik daripada keduanya itu sederhana jua. Dan(keempat tidur dan jaga); jika dilebihinya tidur daripada jaga nescaya jadi penyakit balgham dan jika dilebihinya jaga daripada tidur nescaya jadi keringlah otaknya dan badannya dan senaklah perutnya seperti sabda Nabi S.A.W. ertinya tidurlah kamu dan jaga kamu

⁶⁶ Tabiat kesudahan umur pada usia seratus dua puluh tahun tidak terdapat dalam mss. yang lain dan juga dalam *Qānūn Fi Ṭib* oleh Ibn Sīnā.

⁶⁷ Hal ini dibahas dengan panjang lebar oleh Ibn Sīnā dalam kitabnya, Lihat *Canon*, hal.32 - 35.

⁶⁸ Enam perkara ini dikenali dalam perubatan Islam sebagai " sittah daruriyyah" iaitu enam keperluan asas. Ia dibincangkan oleh banyak ahli-ahli perubatan, lihat misalnya Ibn Sina *Canon* hal. 156, lihat juga Ullmann hal. 73. dan Muhammad salim Khan, hal. 51.

darikerana bahawasanya adalah bagi jasad itu haknya. Kelima; harkat dan sukun bagi nafs,⁶⁹ bahawa harkat iaitu seperti marah dan suka dan sukun itu seperti dukacita dan muram muka. Keenam; jangan cahar dan kebebalan, dan yang sangat cahar itu mengeringkan tubuh lagi menyejukkan jasad dan yang sangat kebebalan itu menyenakkan perut dan menghilangkan keinginan daripada makan makanan dan sederhana itulah yang terlebih baik.

Seperti sabda Nabi S.A.W.ertinya sebaik-baik pekerjaan itu yang aghari jua. Di dalam segala [109]pekerjaan jangan cenderung kepada alang-kepalang. Inilah perangai tidak dapat tidak bagi segala manusia itu mengetahui dan mengerjakan dia supaya terpeliharalah ia daripada penyakit dan tiadalah ia berkehendak kepada ubat. Maka sayugianya bagi segala manusia yang beriman memelihara dan mengerjakan yang aghari seperti pada makan makanan minuman dan jima dan memakai dan berkata-berkata dan barang sebagainya hingga menghasilkan ilmu sekalipun. Maka yang mengerjakan pekerjaan demikian itu jarang adanya.

Kata ahli al Tibb bahawa pengetahuan akan mengenal segala tabiat manusia daripada warna tubuhnya dan perangainya dan perbuatannya dan perkerjaannya dan perkataannya iaitu sepuluh perkara.⁷⁰ Pertama; dijabat badannya jika hangat, tanda hangat jua tabiatnya dan jika sejuk, tanda sejuk jua tabiatnya dan jika aghari, tanda sederhana jua tabiatnya. Kedua; ditilik kepada badannya jika temban ia iaitu tanda basah lagi sejuk basah jua tabiatnya, jika tiada demikian itu iaitu maka tanda hangat

⁶⁹ Sepatutnya "nafs" dan bukannya "nyawa" sebagaimana yang disalin, Ibn Sina menyebutnya sebagai "*harakat-e-nafsania*", lihat nota dalam Mazhar, H. Shah, *Canon*, hal. 156.

⁷⁰ Sepuluh perkara yang diberikan oleh Nuruddin dalam kitabnya ini adalah ringkasan dari huria yang panjang lebar tentang sepuluh perkara yang mempengaruhi perangai seperti yang ditulis oleh Ibn Sina dalam *Canon*nya, lihat *Canon* hal. 219 -254. Al- Sayuti hanya memberikan lima tanda yang boleh menjadi tanda menunjukkan perwatakan manusia. Bandingkan dengan Sayuti, hal. 52-53.

lagi basah. Ketiga; ditilik kepada rambutnya jika lebat serta sangat ikal lagi hitam iaitu tanda hangat lagi kering tabiatnya dan jika tiada demikian iaitu tanda sejuk juag lagi basah tabiatnya.

Keempat, ditilik kepada warna tubuhnya jika warna putih maka iaitu tanda sejuk [110] lagi banyak balgham tabiatnya. Dan jika warna merah maka iaitu tanda hangat lagi banyak darah tabiatnya dan jika putih bercampur dengan merah maka iaitu tanda sederhana tabiatnya. Dan jika warna kelam maka iaitu tanda hangat tabiatnya dan jika warna kuning itu tanda hangat lagi ghalib safra atau kerana kurang darah tabiatnya. Dan jika warna hitam itu tanda sejuk lagi ghalib sauda tabiatnya.

Kelima; ditilik pada kejadian segala anggotanya,jika bidang dadanya dan banyak kelihatan urat besar lagi sangat bergerak-gerak nadinya dan sangat besar tangannya dan kakinya dan sendinya maka iaitu tanda hangat tabiatnya dan jika tiada demikian maka iaitu tanda sejuk juag tabiatnya.

Keenam; ditilik kepada kelakuannya dan perbuatannya dan pekerjaannya jika dengan segeranya barang suatu diperbuatanya maka iaitu tanda hangat dan jika tiada demikian maka iaitu tanda sejuk juag tabiatnya. Ketujuh; ditilik kepada perbuatannya dan perangainya jika ada segala pekerjaannya itu sempurna maka iaitu tanda sederhana tabiatnya dan jika pekerjaannya alang-alang atau lambat maka iaitu tanda sejuk juag tabiatnya, dan jika pekerjaannya segera bercampur mamang maka iaitu tanda hangat juag tabiatnya. Kedelapan; ditilik kepada tidurnya dan jika sangat tidurnya maka iaitu tanda sejuk lagi basah tabiatnya dan [111] jika aghari tidurnya dan jaganya maka iaitu tanda aghari juag tabiatnya.

Kesembilan; ditilik pada tatakala ia qada hajat besar dan seni. Jika sangat berbau dan lagi sangat merah warnanya maka iaitu tanda hangat jua tabiatnya dan jika tiada demikian itu maka iaitu tanda sejuk jua tabiatnya.

Kesepuluh; ditilik kelakuan batinya. Jika sangat faham akalnya dan segeranya lagi dengan sempurna maka iaitu tanda hangat tabiatnya. Dan jika bebal lagi dungu maka iaitu tanda sejuk tabiatnya dan jika tetap kelakuannya maka iaitu tanda kering tabiatnya. Dan jika segera hilang marahnya atau segera lupa maka iaitu tanda sejuk basah tabiatnya dan jika penakut maka iaitu tanda sejuk tabiatnya lagi dhaif hatinya maka iaitu tanda sejuk jua tabiatnya. Dan jika sangat marahnya lagi memakas serta dengan beraninya dan sangat berkata-kata tiada berputusan dengan segeranya maka iaitu tanda hangat tabiatnya. Dan jika malunya lagi dengan sopan dan perlahan-lahan berkata-kata maka iaitu tanda sejuk tabiatnya.

Adapun bahawa tanda badan yang sejuk itu perangainya penyegan lagi dengan dungu dan kurang bicaranya dan putih warna mukanya dan matanya lagi bermanfaatkan ia dengan ubat yang pahit⁷¹ dan memberi mudharat akan dia ubat yang sejuk. Adapun tanda badan yang kering itu perangainya kering [112] hidung dan sangat ia jaga dan memberi manfaat akan dia daripada memakai minyak lenga dan memberi mudharat akan dia ubat yang kering. Adapun tanda badan yang basah itu perangainya penyegan lagi pelupa dan ghalib tidurnya lagi memberi manfaat akan dia ubat yang kering. Adapun tabiat safrawi itu iaitu tabiat hempedu tiada sangat berat tubuhnya tetapi sangat hangat lagi lagi kering badannya dan marah perangainya tetapi tajam fahamnya lagi kurang tidurnya dan segala yang dimimpinya pun seperti api nyala dan

⁷¹ Dalam B "hangat"

segala warna yang kuning lagi warna mukanya dan matanya pun sangat kuning dan tubuhnya pun sangat kurus dan kuning warna qada hajat besar dan seni.

Adapun tanda tabiat damawi itu iaitu tabiat darah, berat tubuhnya dan temban lagi sasa badannya dan sangat suka lagi peramah perangainya dan merah warna mukanya dan matanya lagi qaflah badanya tetapi ia gemar tidur dan segala yang dimimpinya pun kemerah-merahan juga. Adapun tanda tabiat balghami itu iaitu putih warna tubuhnya lagi sangat berat badannya dan tubuhnyapun temban dan berair terlalu sangat penidur dan mengantuk perangainya dan sabar lagi tiada diperkelahinya dan kurang dahaganya lagi banyak air liurnya dan pelupa lagi lambat sembah penyakit dan segala yang dimimpinya berair dan sejuk dan geruh juga. Adapun tanda tabiat saudawi itu [113]iaitu tabiat limpa kurang berat tubuhnya dan was-was fikirannya lagi hitam warna tubuhnya dan masam mukanya tiada ramah lagi menaruh dendam perangainya tetapi sempurna bicaranya dan kurus tubuhnya dan kurang tidurnya dan segala yang dimimpinya pun hitam lagi di dalam mimpiya ia ketakutan.⁷²

Syahdan barang siapa mengetahui dengan sempurna pengetahuannya akan tabiat manusia yang tersebut itu serta dengan segala tandanya maka ialah tabib yang arif lagi hakim lagi bijaksana mengetahui ilmu firasat dengan sempurna.

Kata segala hukama bahawa mengetahui pohon segala penyakit itu ma'idaat seperti sabda Nabi S.A.W ertinya yang perut besar itu pohon segala penyakit dan pantang itu pohon segala ubat.⁷³ Dan lagi sabda Nabi S.A.W ertinya pohon segala

⁷² Ibn. Sinā menerima bahawa mimpi juga boleh menunjukkan perwatakan seseorang. Lihat *Canon* hal. 225. Ini dikuti oleh Sayuti, hal. 53.

⁷³ Perbincangan lanjut tentang hadis ini persamaan dengan ucapan Saidina 'Ali diberikan dalam Al-Sayuti, hal. 64

penyakit itu kesejukan.⁷⁴ Sekali peristiwa, pada satu hari baginda 'Ali r.a. baharu sembah dari sakit hendak makan khorma maka sabda Nabi S.A.W. ertinya jangan engkau makan dari kerana bahawasanya engkau baharu sembah daripada sakit.⁷⁵

Ketahui oleh kamu bahawasanya ittifāq qalam segala hukama dan segala tabib bahawa seringen-ringan daripada segala makanan itu delima, dan seberat-berat daripada makanan itu daging yang lama. Maka berkata sekelian mereka itu, barang siapa memakan [114]delima berlebih-lebihan daripada adatnya nescaya memberi mudharat akan dia. Seperti hikayat ada dua orang lelaki pada zaman dahulu kala sangat dahaga hampirlah akan mati keduanya maka di dapatinya air lalu diminum salah seorang daripada keduanya lebih daripada aghari adatnya dan seorang lagi itu minum terkurang daripada adatnya maka jadi matilah keduanya.

Kata ulama bahawa mengubat penyakit atau tiada mengubat dia serta diserahkan kepada Allah Taala maka keduanya pekerjaan itu sunat juar,⁷⁶ seperti sabda Nabi S.A.W. ertinya berubatlah kamu maka bahawasanya Allah Taala tiada menjadikan suatu penyakit melainkan dijadikan akan dia ubat lain daripada penyakit orang yang tua sangat.⁷⁷ Kata As'ama⁷⁸ Sekali persetua, pada suatu hari aku berdatang sembah kepada nabi S.A.W. Ya Rasulullah tiidakah mengapa jika tiada hamba sekelian mengubat suatu penyakit? Maka sabda Nabi S.A.W. ertinya berubat

⁷⁴ Hadis ini diriwayatkan oleh Anas. Lihat al-Sayuti, hal. 54.

⁷⁵ Hadits dan peristiwa yang berkaitan dengan hadis ini banyak diriwayatkan oleh perawi-perawi hadis seperti Ibnu Daud, Imam Ahmad dan lain-lain, lihat al-sayuti, hal. 127.

⁷⁶ Pendapat yang mengatakan adalah sunat sama ada mengubat ataupun tidak mengubat sesatu penyakit lebih mirip kepada iktikad golongan syiah. Sungguhpun begitu Ahmad Ibn Hambal (M. 855 A.D) seorang ulama terkenal dari mazhab sunni juga pernah menyebut bahawa mengubat atau tiada mengubat penyakit adalah sunat. Lihat, Fazlur Rahman *Health and Medicine in the Islamic Tradition*, hal. 48.

⁷⁷ Hadis ini diriwayatkan oleh ramai perawi-perawi seperti Abu Said, Abu Huraira, Abu Kharama dan al-Tarmidhi, untuk keterangan lanjut lihat Al-Sayuti, hal. 123.

⁷⁸ As'ama bin Sharik meriwayatkan hadis ini. Lihat Sayuti, hal. 123. Dalam ms. yang ada nama As'ama ini tidak jelas ditulis.

kamu hai segala hamba Allah maka bahawasanya tiada dijadikan Allah Taala suatu penyakit melainkan adalah dijadikan akan Dia suatu ubat dan hantarkan baginya sembuh.

[115]Dan lagi sabda Nabi S.A.W ertinya Bahawasanya Allah Taala sekali-kali tiada diturunkan akan penyakit itu melainkan telah diturunkan ubat melainkan maut dan orang yang sangat tua. Hendaklah kamu minum susu lembu dari kerana ia menghilangkan segala bencana. Dan sabda Nabi S.A.W. ertinya bahawasanya Allah S.W.T telah menurunkan segala penyakit dan segala ubat dan dijadikan pada tiap-tiap penyakit itu ubat maka berubatlah kamu dan jangan kamu berubat dengan yang haram. Sekali peristiwa, pada suatu hari Tariq Ibn Suwayd berdatang sembah kepada Nabi S.A.W katanya,Ya Rasulullah adakah harus mengubati seorang sakit itu dengan arak, maka sabda Nabi s.a.w. ertinya hanyasanya telah ditegahkan Allah Taala arak itu akan ubat bahawasanya ia bukan ubat tetapi ia penyakit bahawasanya Allah Taala tiada menjadikan nyaman tubuh umatku pada barang yang diharamkan.⁷⁹

Kata Ibn 'Abbās r.a. ia mendengar daripada Nabi Allah [116]katanya, bahawasanya Nabi S.A.W bersabda, apabila Nabi Sulaiman sembahyang pada mihrab masjidnya maka dilihatnya tumbuh pada mihrab itu pada tiap-tiap hari sepoohon kayu maka ditanyai oleh Nabi Allah Sulaiman akan dia, Hai pohon kayu apa nama dan apa guna mu? maka sahutnya,Ya Nabi Allah nama hamba polan dan guna hamba demikian-

⁷⁹ Hadis-hadis tentang pengharaman arak sebagai ubat banyak diriwayatkan oleh Tariq bin Suwayd, lihat Al-Sayuti, hal. 138. Ibn Sina walaupun mengakui arak membunyi kesan yang buruk pada manusia tetapi masih memberi preskripsi minuman beralkohol dengan jenis-jenis tertentu untuk rawatan beberapa penyakit seperti untuk orang mempunyai penyakit yang berkaitan dengan lebihan balgham dalam sistem badan. Lihat Canon, hal. 321.

demikian. Maka jika ada pohon kayu itu akan ubat maka disuratkan namanya dan gunanya dan jika ada pohon kayu itu patut ditanam maka ditanamkan.⁸⁰

Kata hukama bahawa rasa makan makanan itu sembilan perkara. Pertama; pedas, kedua; pahit, ketiga; manis, keempat; masin, kelima; masam, keenam; tawar, ketujuh; kelat kedelapan; liat dan kesembilan lendir. Adapun yang pedas dan yang pahit dan yang masin dan yang manis⁸¹ itu hangat khasiatnya dan yang masam dan yang tawar dan kelat dan yang lendir dan yang liat itu sejuk khasiatnya.

Kata ulama dan segala hukama bahawa barang makan makanan atau segala ubat adalah khasiatnya hangat atau sejuk atau kering atau basah dan ada kalanya bercampur dengan dua khasiat iaitu hangat lagi basah atau hangat lagi kering dan adakalanya ia hangat pada darjah yang pertama atau pada darjah yang keempat demikian lagi darjah segala yang sejuk pun empat perkara jua, [darjah yang basah pun empat perkara jua]⁸² dan darjah yang kering pun empat perkara jua.⁸³

Syahdan jika makan seorang yang sederhana tubuhnya akan suatu makanan atau ubat maka tiada ia merasai bekas makanan [117]itu maka adalah ia itu pada darjah yang pertama seperti makan gandum dan sakar dan jika makan akan suatu

⁸⁰ Hadis dari Ibn Abbas ini beberapa kali disebut oleh Al-Sayuti dalam kitabnya, Lihat Al-Sayuti, hal. 67. Riwayat ini menguatkan lagi kepercayaan bahawa semua ilmu termasuklah ilmu perubatan berasal dari nabi-nabi.

⁸¹ Dalam Ms. A tiada perkataan "yang masin", perkataan ini dikutip dari Ms. B. Walau bagaimanapun dalam Ms. B, rasa manis dimasukkan dalam kategori makanan panas. Kekeliruan ini boleh timbul kepada penyalin-penyalin yang terkemudian kerana rasa manis dalam perubatan Arab dikategorikan dalam makanan yang mempunyai sifat sederhana. Lihat misalnya Hunayn Ibn Ishaq, *Questions on Medicine for Scolars*, hal. 48.

⁸² Ayat ini tiada dalam A tetapi ada dalam B

⁸³ Berdasarkan darjah ini beberapa pengkaji sejarah perubatan seperti Browne membuat kesimpulan bahawa bahan yang mempunyai darjah yang pertama adalah makanan, bahan yang mempunyai darjah yang kedua adalah makanan dan sekali gus ubat, bahan pada darjah yang ketiga adalah ubat semata-mata dan bahan pada darjah yang keempat adalah racun. Tetapi pembahagian ini nampaknya terlalu dipermudahkan. Lihat Browne, *Arabian Medicine*, hal. 120.

makanan atau ubat maka dirasainya bekas makanan atau ubat maka adalah ia itu pada darjat yang kedua seperti air madu dan jika dimakannya akan suatu makanan atau ubat maka dirasainya bekas makanan itu sangat memberi mudharat iaitu pada darjah yang ketiga seperti lengkuas dan jika makanannya akan suatu makanan atau ubat maka dirasajnya bekas makanan itu sangat memberi mudharat seperti lada iaitu pada darjat yang keempat. Adapun khasiat segala ubat dan makanan yang hangat itu seperti fulful iaitu lada dan dar fulful iaitu cabai keduanya hangat lagi kering pada darjat yang keempat dan lada sulah itu terlebih hangat daripada lada, dan cabai itu kering, khasiatnya mengeringkan daripada segala lada dan adalah faedahnya sekelian itu menghancurkan segala angin yang bagi paru-paru, perut yang seni dan menghancurkan segala balgham yang likat dan menghangatkan sekelian urat dan badan.

Dan zanjabil iaitu halia⁸⁴ khasiatnya hangat pada darjat yang ketiga dan kering pada darjat yang kedua, faedahnya menguatkan shahwat dan mencernakan makan makanan dan menghilangkann sejuk hati dan paru-paru dan menghilangkan balgham dan menambahi pengingat. Khulanjan iaitu lengkuas⁸⁵ khasiatnya [118]hangat lagi kering pada darjat yang ketiga faedahnya menghancurkan segala angin dan balgham dan mencernakan makan-makanan dan memberi kuat akan shahwat.

Dan kummūn iaitu jira putih⁸⁶ khasiatnya hangat pada darjat yang kedua dan kering pada darjat yang ketiga, faedahnya menghancurkan segala angin yang di dalam tubuh dan memecahkan karang-karangan dan menghilangkan senak perut. dan habb al-sawdā' iaitu jira hitam⁸⁷ khasiatnya hangat lagi kering pada darjat yang kedua,

⁸⁴ Zingiber officinale

⁸⁵ Cyperus rotundus L. atau Alpinia officinarum

⁸⁶ Jira ialah jintan, Jira putih = Cummimim cymimum Linn.

⁸⁷ Nigella sativa

faedahnya menghancurkan segala balgham dan angin lagi menghilangkan kedal hanjingan-dan mengeluarkan gelang-gelang dan menghilangkan selsema dan akan tuba ikan dan lagi banyak manfaatnya seperti sabda Nabi S.A.W ertinya yang jira hitam itu ubat pada tiap-tiap penyakit melainkan maut juar. Dan razyanij iaitu jira yang manis⁸⁸ khasiatnya hangat lagi kering pada darjah yang kedua, faedahnya menghilangkan senak perut dan menerangkan mata lagi mengeluarkan kemih dan darah haid dan menyembuhkan sakit perut.

Dan hulbah⁸⁹ iaitu Kelabat khasiatnya hangat darjah yang kedua dan kering pada darjah yang pertama, faedahnya mengncurkan segala yang beku dan menyembuhkan bengkak yang sangat. Jika dimasak dengan air madu maka dimakan nescaya dikeluarkannya penyakit yang sejuk lagi beku dari dalam dada dan menguatkan shahwat lelaki dan memberi faedah akan rahim [119]perempuan. Manfaatnya terlalu banyak tiada terkira seperti sabda nabi S.A.W. ertinya jikalau diketahui segala manusia faedahnya halba itu nescaya dibelinya jikalau setimbang emas sekalipun. Dan Kusbarah iaitu ketumbar⁹⁰ khasiatnya sejuk pada darjah yang pertama dan kering pada darjah yang ketiga, faedahnya menahani datangnya segala penyakit yang hangat. Jika dipipis lumat-lumat maka dicampur dengan cuka maka dibubuh pada penyakit yang hangat afiatlah nya.

Dan khardal iaitu biji sawi⁹¹ khasiatnya hangat lagi kering pada darjah yang keempat, faedahnya menghancurkan balgham dan menambahkan rambut yang luruh dan menyembuhkan badan yang bengkak dan menghilangkan kudil dan segala

⁸⁸ *Pimpinella anisum*

⁸⁹ *Trigonella foenum-graecum*

⁹⁰ *Coriandrum sativum*

⁹¹ *Brassica juncea* atau *Brassica alba*

penyakit sendi dan menambahi kuat sahwat. Dan fuji iaitu mooli⁹² khasiatnya hangat pada darjat yang ketiga lagi kering pada darjat yang kedua, fedahnya mengeluarkan balgham dan mencernakan makanan makanan tetapi ia lambat mencerna sebab itulah maka jadi serdarab, adalah ia memberi mudharat akan kepala dan mata dan gigi. Dan qurunful iaitu bunga lawang⁹³ khasiatnya hangat lagi kering pada darjat yang ketiga, faedahnya memberi manfaat akan hati dan paru-paru dan otak.

Dan juzbui iaitu buah pala⁹⁴ khasiatnya hangat [120]lagi kering pada darjat yang ketiga faedahnya menghilangkan panau hitam dan menghilangkan busuk bau mulut dan memberi kuat akan mata. Dan bisbasah iaitu bunga pala⁹⁵ khasiatnya hangat lagi kering pada darjat yang ketiga, faedahnya memberi kuat akan paru-paru dan menghilangkan segala lendir di dalam perut dan memberi faedah akan hati dan limpa yang sejuk. Dan qust iaitu pucuk⁹⁶ khasiatnya hangat pada darjat yang ketiga lagi kering pada darjat yang kedua, faedahnya menghancurkan angin-angin dan menyembuhkan penyakit limpa dan mengeluarkan gelang-gelang. Dan nanakhwah iaitu jemuju⁹⁷ khasiatnya hangat lagi kering pada darjat yang ketiga, faedahnya menghancurkan segala angin yang di dalam perut tubuh dan menghilangkan senak, lagi banyak faedahnya.

⁹² Terdapat "variasi Reading" yang berbagai, misalnya ms. A memberi ejaan Arab dan Melayu yang salah sama sekali iaitu dengan mengejanya sebagai "m-j-l" dan "mur", tetapi dengan merujuk kepada kegunaanya dan variasi reading yang paling banyak digunakan dalam semua mss. maka yang paling tepat ialah Fuji iaitu *Raphanus sativus L.*, tetapi perkataan mooli hanya biasa digunakan dalam bahasa urdu dan tiada dalam bahasa melayu.

⁹³ *Caryophyllus aromaticus L.*

⁹⁴ *Myristica aromatic*

⁹⁵ *Myristica fragran*

⁹⁶ *Aucklandia costus*

⁹⁷ *Carum copticum*

Dan Kundur iaitu gandarokam⁹⁸ khasiatnya hangat lagi kering pada darjat yang kedua, faedahnya menghancurkan balgham dan menambahi pengingat dan menghilangkan was-was hati dan jika dipercelak menerangkan mata, amat banyak faedahnya. Dan mustaki⁹⁹ iaitu kering lagi hangat pada darjat yang kedua, faedahnya menghancurkan balgham dan angin dan jika dimamah menghilangkan bau mulut yang busuk dan memberi teguh gigi. Dan hilit iaitu hingga¹⁰⁰ khasiatnya hangat pada darjat yang keempat [121] dan kering pada darjat yang ketiga, faedahnya menghancurkan segala angin dan mengeluarkan gelang-gelang di dalam perut. Jika dipercelak nescaya menambahi cahaya mata, dan jika di mamah nescaya hilang sakit gigi yang dimakan ulat lagi memberi kuat akan shahwat.

Dan sabir iaitu jadam¹⁰¹, satu raja penawar terutama daripada jenisnya itu [getah jadi pada pulau socotra]¹⁰² khasiatnya hangat lagi kering pada darjat yang kedua, faedahnya mengeluarkan balgham daripada otak dan menyembuhkan penyakit safra dan dicampur air madu maka dibubuh pada bengkak itu nescaya segera sembah olehnya terlalu banyak khasiatnya. Dan apiun¹⁰³ itu khasiatnya sejuk lagi kering pada darjat yang keempat, faedahnya memberi khayal melalikan daripada merasa sakit apabila dicampurkan sedikit dengan air madu. Dan zafarān iaitu komkoma¹⁰⁴ maka titikan ke dalam telinga maka iaitu menyembuhkan sakit kepala dari hangat dan jika dimakan dia nescaya mengurangkan aql dan faham.

⁹⁸ *Boswellia thrifera* Rose L., sejenis damar

⁹⁹ *Tacia lentiscus pistaciaterbiuthus*, sejenis damar

¹⁰⁰ *Ferula asafoetida*, Hingga juga dieja sebagai inggu

¹⁰¹ Aleo soccotrina

¹⁰² Terdapat berbagai-bagai variasi bacaan. Ms. A menyebut " getah yang jadi pada daunnya". Ayat yang disalin oleh penyalin Ms. A, ini adalah lebih tepat kerana meteria medica yang sama disebut oleh al-Biruni dalam Kitab Saydanah. Lihat, Hakim Mohammed Said, *Al-Biruni's Book on Pharmacy and Materia Medica*, (Karachi, Hamrad Foundation, 1973) hal. 196 - 197

¹⁰³ *Papaver somniferum* L.

¹⁰⁴ *Crocus sativus* L.

Dan aqir qarha iaitu akar kara¹⁰⁵ itu khasiatnya hangat lagi kering pada darjat yang kedua, faedahnya memberi manfaat akan gigi dan memberi kuat akan shahwat lagi banyak faedahnya. Dan habb ar-rasyad iaitu jemuju qas¹⁰⁶ khasiatnya hangat lagi kering pada darjat yang kedua, faedahnya menghancurkan balgham dan angin lagi memberi manfaat akan segala badan lagi banyak faedahnya. Dan halilaj iaitu kedekai¹⁰⁷ adalah kedekai itu tiga jenis,¹⁰⁸ [122]pertama kabuli namanya iaitu besar, kedua safra namanya iaitu kuning lagi kecil, ketiga aswad namanya iaitu hitam warnanya lagi kecil daripada yang kuning, adapun kedekai yang besar itu khasiatnya sejuk pada darjat yang pertama dan kering pada darjat yang kedua, faedahnya mengeluarkan balgham dan memberi kuat akan pancaindera dan menambahi aql dan pengingat dan menghilangkan penyakit kepala, adapun kedekai yang kuning lagi kecil itu khasiatnya mengeluarkan penyakit safra, adapun kedekai yang hitam lagi kecil itu khasitnya daripada kedekai yang kuning itu khasiatnya mengeluarkan penyakit sauda.

Dan Afadh iaitu manjakani¹⁰⁹ khasiatnya sejuk pada darjat yang kedua dan kering pada darjat yang ketiga, apabila perempuan yang tiada keluar darah haidnya maka ditumbuk lumat-lumat maka dipermasak dengan kulit buah delima maka berendamlah ia pada air itu nescaya keluarlah darah haidnya itu dan faedahnya mengeluarkan segala lendir pada faraj lagi sangat memberi faedah akan perempuan. Dan fawful iaitu pinang tua¹¹⁰ khasiatnya sejuk lagi kering pada darjat yang ketiga memberi kuat akan gigi. Jika ditumbuk lumat-lumat serta dipercelak maka sembuh sakit

¹⁰⁵ Anacyclus pyrethrum atau Acacia arabica

¹⁰⁶ Nasturtium cress atau Trachyspermum ammi

¹⁰⁷ Terminalia chebula

¹⁰⁸ Tiga jenis kedekai ini diterangkan dengan lebih jelas dalam *Kitab al-Saydanah al-Biruni*, hal. 328

¹⁰⁹ Galla turcica atau Quercus infectoria

¹¹⁰ Areca catechu

mata daripada hangat. Dan darsini iaitu kayu manis¹¹¹ khasiatnya hangat lagi kering pada darjat yang ketiga dan menyucikan otak dari[123]pada balgham dan menghilangkan selsema dan menyembuhkan penyakit telinga daripada sejuk dan menerangkan mata (jika) dipercelak. Dan basbas iaitu adas pedas¹¹² khasiatnya hangat lagi kering pada darjat yang kedua, faedahnya menghancurkan segala angin dan menghancurkan segala bengkak yang sejuk dan jika sentiasa dimakan nescaya memberi mudharat akan badannya.

Dan habbal-hal iaitu kepulaga¹¹³ khasiatnya hangat pada darjat yang kedua, faedahnya menghilangkan dukacita dan debar hati. Dan kababah iaitu kemukus¹¹⁴ khasiatnya hangat pada darjat yang kedua, faedahnya menghilangkan dukacita hati dan percitaan. Dan lawz iaitu buah badam¹¹⁵ yang manis khasiatnya hangat lagi basah pada darjat yang pertama, faedahnya menembunkan tubuh dan menghilangkan batuk lagi menghilangkan senak hati dan limpa. Dan tamar iaitu khorma khasiatnya hangat lagi basah pada darjat yang kedua, faedahnya memberi kuat akan badan dan syahwat tetapi jadi darinya darah yang keruh. Dan Inab iaitu anggur¹¹⁶ khasiatnya kulitnya sejuk lagi kering dan isinya yang manis itu hangat lagi basah dan bijinya sejuk lagi kering maka isinya itu hangat memberi kuat badan.

Dan zabib iaitu anggur yang kering, kahsiatnya hangat lagi basah seperti sabda Nabi S.A.W. ertinya makanlah olehmu zabib serta kata olehmu bismillah sebaik makan zabib. (la) memberi kuat akan segala urat dan menghilangkan balgham dan

¹¹¹ *Cinnamomum zeylanicum*

¹¹² *Lens esculenta*

¹¹³ *Amomum sublatum*

¹¹⁴ *Piper cubeba*

¹¹⁵ *Prunus amygdalus*

¹¹⁶ *Vitis vinifera L.*

menghilangkan warna muka dan warna badan. Dan mawz iaitu pisang¹¹⁷ khasiatnya hangat sedikit juar, jika banyak makan dia nescaya menyakitkan perut tetapi menambah mani dan mengeluarkan kemih dan jika [124]dimakan dengan air madu nescaya hilanglah mudharatnya. Dan rummān iaitu buah delima¹¹⁸ yang manis khasiatnya sejuk lagi basah pada darjat yang pertama dan yang masam itu khasitnya sejuk lagi kering pada darjat yang kedua, faedahnya menyembuhkan penyakit safrawi lagi lagi menyembuhkan luka paru-paru lagi banyak faedahnya seperti sabda Nabi, ertinya bahawa delima itu daripada buah kayu syurga ingat-ingat kamu supaya tiada disekutukan oleh syaitan akan kamu pada memakan dia dan katalah olehmu tatakala memakan dia Bismillah dan tiadalah kuasa syaitan itu memancingkan suatu yang tersebut atas nama Allah. [125]Dan lagi sabda Nabi, ertinya makan oleh kamu delima kerana bahwasanya ia menyamankan perut.

Dan laban iaitu susu , bahawa yang terlebih daripada sekelian susu itu susu lembu, khasiatnya hangat lagi basah, faedahnya memberi kuat badan, jika dicampur dengan air madu maka dimakan nescaya menambahi mani lagi banyak faedahnya pada shahwat. Dan'asal iaitu air madu khasiatnya hangat lagi kering pada darjat yang kedua, faedahnya menghancurkan balgham dan menerangkan mata, memberi kuat akan paru-paru dan menghilangkan segala lendir yang di dalam perut itu dan menguatkan syahwat, dan memberi nyaman tubuh, seperti firman Allah dalam Quran ertinya keluar dari perut indung madu itu air madu berlain-lainan warnanya adalah di dalamnya nyaman badan segala manusia.¹¹⁹ Dan sabda nabi ertinya dijadikan Allah S.W.T berkat itu pada air madu dan adalah menyamankan tubuh daripada segala penyakit dan sanya telah memberi berkat akan dia tujuh puluh orang nabi. Kata

¹¹⁷ *Musa paradisiaca*

¹¹⁸ *Punica granatum L.*

¹¹⁹ al-Quran,an-Nahl 16:69

baginda 'Ali r.a. apabila sakit seorang daripada kamu barang sebagainya maka hendaklah kamu pintai pada isterimu daripada isi kawinnya tiga dirham [126]maka belikannya air madu serta dicampuri dengan air hujan maka diminumnya nescaya afiatkan Allah Taala.

Dan sukkar iaitu gula itu khasiatnya hangat lagi basah daripada darjat yang pertama, demikian lagi tebu, faedahnya melembutkan dada dan halkum dan adalah ia maufakat pada tabiat safrawi. Dan bur iaitu gandum khasiatnya hangat lagi sederhana kepada basah dan kering, faedahnya memberi kuat akan badan. Dan aruzz iaitu beras¹²⁰ khasiatnya hangat lagi kering pada darjat yang pertama, kata setengah sejuk, faedahnya ringan pada perut lagi segera mencerna dan adalah faedahnya itu amat baik seperti sabda Nabi ertinya sebaik-baik ubat beras lagi memberi sihat tubuh menyamankan badan daripada tiap-tiap penyakit. Dan khubuz iaitu biji kedelai¹²¹ khasiatnya hangat lagi kering daripada darjat yang pertama dan faedahnya memberi kuat syahwat lagi banyak faedahnya.

Dan samnu iaitu minyak sapi khasiatnya hangat lagi basah pada darjat yang pertama, faedahnya melembutkan sekelian tegar dan melembutkan halkum dan dada jika dimakan di campur air madu dan buah badam dibuat halwa maka dimakan nescaya memberi faedah lagi menawarkan segala racun yang diminum. Dan baida iaitu telur ayam khasiatnya sederhana dan kuningnya itu cenderung kepada hangat dan putihnya cenderung kepada sejuk, [127]maka faedahnya memberi kuat badan lagi banyak faedahnya.

¹²⁰ Oryza sativa

¹²¹ Biji kedelai(jelai) dikenali sebagai Khubuz yang mana dalam bahasa Arab bermaksud roti, ini adalah kerana buah jelai ini mempunyai bentuk seperti roti orang Arab. Lihat Graziani, J. S.,*Arabic medicine in Eleventh century as represented in the Works of Ibn Jazlah*, Hamrad Academy, Karachi, 1980, hal. 207

Dan lahm iaitu daging iaitu masing-masing pada khasiatnya, adapun daging biri-biri itu yang jantan setahun umurnya itu khasiatnya hangat lagi basah, segera mencerna memberi manfaat akan tubuh. Adapun daging biri-biri yang betina itu kurang manfaatnya. Adapun daging kambing yang betina yang setahun umurnya itu khasiatnya hangat lagi kering memberi manfaat akan segala yang sejuk tabiatnya. Adapun daging lembu yang muda itu sederhana khasiatnya dan setahun umurnya lambat mencerna dalam perut lagi jadi daripadanya penyakit saudawi. Demikian lagi daging unta dan daging kuda khasiatnya hangat, lambat mencerna dan jadi daripadanya penyakit saudawi juga. Adapun yang terlebih baik daripada segala daging binatang yang liar itu daging kijang dan pelanduk. Maka daging rusa dan kambing hutan dan barang sekelianya itu khasiatnya sangat hangat lagi menghangatkan badan.

Dan barang binatang yang muda terlebih baik manfaatnya daripada binatang yang tua lagi basah khasiatnya dan segala binatang yang tua itu sekelian kurang khasiatnya. Adapun segala [128]daging unggas itu terutama daripada sekelianya daging ayam betina,¹²² khasiatnya hangat lagi basah jadi daripadanya darah yang baik lagi menambahi mani dan memberi kuat akan badan. Adapun daging ayam yang jantan itu menambah sejuk tetapi tiada sangat.

Syahdan, daging itu terlebih baik daripada segala makanan seperti sabda Nabi ertiannya terlebih baik daripada segala makanan di dalam dunia dan dalam akhirat

¹²² Perbincangan mengenai sifat daging unggas (burung) dan juga ayam ini sentiasa menarik perhatian ahli-ahli perubatan Islam sejak awal lagi dan perdebatan dan pandangan masing-masing selalu ditulis dalam kitab-kitab atau makalah-makalah. Masalah inilah yang menimbulkan perdebatan antara Ibn Ridwan dan Ibn Butlan di Mesir dalam abad ke 10 masihi. Lihat Schact,J., dan Max Mayerhoff, *The Medico-Philosophical controversy Between ibn Butlan of Bagdad and Ibn Ridwan of Cairo*, The Egyptian university, Cairo, 1937, hal. 15 dan 71.

itu daging. Kata baginda 'Ali r.a. makan oleh mu daging bahwasanya daging itu menambah daging tubuh lagi menambah pendengaran. Barang siapa daripada kamu tiada makan daging empat puluh hari nescaya lemahlah tubuhnya. Kata Said al-Zūhri¹²³ rahmatullah alaih bahwasanya memakan daging itu menambah tujuh puluh quwwat tetapi sentiasa makan daging itu makruh. Kata Siti Aisyah r.a. jangan sentiasa makan daging dari kerana bahwasanya sangat memberi harurah seperti harurah himar.

Dan samak iaitu ikan khasiatnya sejuk lagi basah tiada memberi faedah orang yang sejuk badan lagi memberi mudharat pada perut. Dan milh iaitu garam khasiatnya hangat lagi kering pada darjat yang ketiga, padanya menghancurkan segala yang beku lagi mencernakan makanan dan manfaatnya terlalu banyak seperti sabda Nabi S.A.W. [129]ertinya apabila hendak makan seseorang daripada kamu maka hendaklah ia memulai dengan garam dari kerana bahwasanya ia menambah otak dan menambah 'aql seperti sabda Nabi, Hai 'Ali kau mulai makanan mu itu dengan garam dan kau sudahi dengan garam dari kerana bahwasanya barang siapa mengerjakan yang demikian itu diafiatkan Allah Taala dua puluhdua bagian daripada bagian penyakit, setengah daripadanya kedal dan sopak.

Dan najil iaitu nyiur¹²⁴ khasiatnya hangat lagi basah khasiatnya menambah mani kuat akan shahwat. Dan basal iaitu bawang merah¹²⁵ kahsiatnya hangat pada darjat yang ketiga, faedahnya menghancurkan balgham dan segala angin dan mencernakan makan-makanan dan memberi manfaat daripada penyakit salah air¹²⁶ dan

¹²³ Lihat al-Sayuti, hal. 110, dalam manuskrip-manuskrip yang ada dieja dengan "Syeikh Zahari".

¹²⁴ Cocos nucifera

¹²⁵ Allium cepa

¹²⁶ Penyakit salah air ialah penyakit yang berkaitan dengan susah buang air atau sakit ketika buang air

menghilangkan selsēma dan memberi kuat akan shahwat. Jika diambil airnya maka dicampur dengan air madu¹²⁷ maka dipercelak nescaya menerangkan mata tetapi jika sentiasa memakan dia mengurangkan aql, dan lagi banyak faedahnya Sabda nabi [130]ertinya apabila kamu masuk kepada sebuah negeri maka kamu takuti akan wabaknya maka hendaklah kamu makan bawang merah pada negeri itu. Dan tsauim iaitu bawang putih¹²⁸ khasiatnya hangat lagi kering pada darjat yang ketiga, faedahnya menghancurkan segala angin dan menghilangkan senak di dalam perut lagi memberi manfaat daripada penyakit salah air dan menyembuhkan sakit gigi dan benak dan menyembuhkan daripada sakit dada yang sejuk dan mengeluarkan gelang-gelang dalam perut dan mengeluarkan darah haid dan mengeluarkan tembuni orang beranak tetapi memberi mudharat akan mata dan badan.

Dan bādhinjān iaitu terung¹²⁹ khasiatnya sejuk kata setengah menghilangkan penyakit hangat lagi kering pada darjah yang kedua. Adalah ia menjadikan penyakit saudawi dan kudil dan gatal dan buasir dan kedal hanjingnya dan menghitamkan warna badan dan menambahkan jerawat tetapi jika dipermasak serta hawas dengan minyak sapi nescaya kuranglah mudharatnya, jika makan lama-lama sekali nescaya memberi manfaat jua adanya seperti sabda nabi S.A.W. ertinya makan olehmu terung dari kerana bahawasanya ia pertama daripada membawa iman akan Allah Taala dan makanlah oleh mu akan dia bahawasanya ia ubat tiada penyakit baginya.

Dan duba [131]iaitu labu khasiatnya sejuk lagi basah pada darjat yang kedua faedahnya segera mencerna tetapi khasiatnya jahat pada perut yang sejuk dan adalah ia memberi manfaat pada perut yang hangat. Dan adalah nabi S.A.W sangat

¹²⁷ Dalam B air mawar

¹²⁸ Allium sativa

¹²⁹ Solanum melongevo

gemar makan labu dan disuruhkannya segala manusia memakan dia seperti sabda nabi ertinya makan olehmu labu bahawasanya ia menyamankan tubuh daripada tiap-tiap penyakit melainkan maut. Dan qitta iaitu mentimun¹³⁰ khasiatnya sejuk lagi basah pada darjat yang kedua, faedahnya meyejukkan hangat dan menghilangkan penyakit safrawi lagi memuaskan dahaga dan mengeluarkan karang-karangan batu, istimewa bijinya sangat manfaat daripada isinya. Segala peristiwa pada suatu hari nabi S.A.W makan mentimun dan kurma maka sabdanya ertinya dipadamkan sejuk mentimun ini akan hangat kurma ini. Dan lagi sabda Nabi S.A.W. ertinya apabila kamu makan hentimun maka makan olehmu ekornya.

Dan khall iaitu cuka khasiatnya bercampur hangat dengan sejuk tetapi sangat ghalib sejuk, faedahnya menghancurkan balgham dan menyembuhkan segala yang Bengkak lagi segera mencernakan makan-makanan tetapi memberi mudarat akan badan yang saudawi dan menyakitkan [132]dada dan adalah pahala memakan dia seperti sabda Nabi ertinya barang siapa memakan cuka maka berdiri di atas kepalanya seorang malaikat meminta ampun akan dia hingga selesai ia daripada memakan dia. Dan lagi sabda Nabi, ertinya sebaik-baik ubat itu cuka.

Dan istmid¹³¹ iaitu celak yang merah khasiatnya sejuk pada darjat yang pertama lagi kering pada darjat yang kedua. Jika dibubuh ke dalam hidung nescaya sembah olehnya penyakit lindungan dan menerangkan mata dan menghilangkan daging tumbuh dalam mata dan menambahkan bulu mata, terlalu banyak faedahnya seperti sabda Nabi S.A.W. ertinya Kekal olehmu memakai celak dari kerana bahawasanya ia membawa cahaya mata dan menambahkan bulu mata. Dan zahab iaitu emas khasiatnya sederhana faedahnya kata setengah hangat daripada darjat yang pertama,

¹³⁰ Echallium elaterium

¹³¹ Antimony sulfide

dikikir atau diasah atau perada, faedahnya menghilangkan penyakit saudawi dan menghilangkan penyakit kuning warna muka dan memberi kuat akan jantung, jika ditaruh dalam mulut menghilangkan busuk bau mulut, jika dipercelak pada mata dan mengelakkan dukacita.

[133]Dan fiddah iaitu perak khasiatnya sederhana, faedahnya menghilangkan warna kuning muka dan memberi kuat akan jantung dan menghilangkan kudil dan gatal. Dan lu'lu' iaitu mutiara khasiatnya sedarhana tetapi cenderung kepada kering, mengeringkan air mata yang keluar sebab penyakit dan menerangkan mata. Dan yaqt iaitu (nilam) yang didapat dalam gunung khasiatnya hangat lagi kering pada darjat yang pertama faedahnya bila dicampur dia di dalam maajun terlalu sangat memberi kuat akan jantung. Apabila dipakai akan cincin atau barang sebagainya akan menghilangkan segala wabak, dan yang terutama dari jenis itu merah,kuning dan biru. Dan Kahrabā' iaitu (amber kuning) khasiatnya hangat pada darjat yang pertama dan kering pada darjat yang kedua, faedahnya menghilangkan dukacita dan menahan darah daripada barang tempat. Dan misk iaitu kasturi¹³² khasiatnya hangat lagi kering pada darjat yang ketiga faedahnya jika dicium atau dimasukkan ke dalam hidung mustajab menyembuhkan sakit kepala daripada sejuk atau balgham dan memberi kuat akan otak dan lagi memberi kuat akan pancaindera lagi banyak faedahnya seperti sabda Nabi ertinya yang kasturi itu sebaik-baik bau-bauan. Syahdan, adalah nabi memakai kasturi pada kepala dan janggut yang mulia.

Dan kāfūr iaitu (Kapur barus)¹³³ khasiatnya sejuk lagi kering pada darjat yang ketiga, [134] faedahnya menghilangkan bengkak yang hangat dan memberi faedah kepada sakit kepala yang hangat tetapi mengurangkan shahwat. Dan zafaron iaitu

¹³² *Mochus moschiferus*

¹³³ *Cinnamomum camphora*

komkoma¹³⁴ khasiatnya hangat pada darjat yang kedua dan kering pada darjat yang pertama, faedahnya menghancurkan angin dan menghilangkan bengkak telinga dan menerangkan mata. Dan luban iaitu kemiyan¹³⁵ khasiatnya hangat pada darjat yang ketiga dan kering pada darjat yang kedua. Faedahnya jika dipipis lumat-lumat maka dicampur dengan air dan digosok pada bekas panau hitam dan putih atau bekas jerawat nescaya sembuh olehnya dan jika dipermasak serta dengan kulitnya maka diperkumur-kumurnya nescaya sembuhlah daripada sakit gigi. Dan ambar khasiatnya hangat pada darjat yang kedua dan kering pada darjat yang ketiga, faedahnya pertama memberi kuat akan jantung dan lagi kuat akan pancaindera.

Dan 'ud iaitu gaharu¹³⁶ khasiatnya hangat pada darjat yang kedua. Faedahnya menguatkan paru-paru dan segala perut yang seni-seni dan lagi menguatkan hati dan jantung dan segala pancaindera dan terlalu sangat memberi faedah akan otak dan menghancurkan segala angin di dalam badan jika dimamah menghilangkan busuk bau mulut. Dan sandal iaitu cendana¹³⁷ khasiatnya sejuk lagi kering pada darjat yang kedua. Faedahnya menahan segala penyakit dan menyembuhkan segala yang bengkak hangat dan [135] menyembuhkan sakit kepala yang hangat diminum atau dibubuhkan pada tubuh dan memberi kuat paru-paru. Dan ladan iaitu (setanggi)¹³⁸ khasiatnya hangat pada darjat yang kedua dan kering pada darjat yang pertama, faedahnya menghancurkan angin dan memberi manfaat akan rahim perempuan lagi banyak faedahnya.

¹³⁴ *Crocus sativus*

¹³⁵ *Styrax benzoin*

¹³⁶ *Aquilaria malaccensis*

¹³⁷ *Santalum album*

¹³⁸ *Uncitous secretion civet cat*

Dan ward iaitu bunga mawar¹³⁹ khasiatnya sejuk pada darjat yang pertama dan kering pada darjat yang kedua, faedahnya jika dicium nescaya menyembuhkan sakit kepala daripada hangat lagi banyak faedahnya. Dan ma' ward iaitu air mawar khasiatnya hangat bercampur sejuk, faedahnya memberi manfaatkan akan penyakit pitam dan menyembuhkan sakit kepala yang hangat dan menghancurkan balgham dan adalah faedahnya amat banyak seperti sabda nabi ertinya bahwasanya Allah Taala menjadikan air mawar itu daripada keelokan kudratNya dan adalah dijadikan Allah baunya daripada bau segala anbiannya maka tiliklah oleh mu kepada air mawar serta kamu cium akan dia.

Dan dhan sem-sem iaitu minyak lenga¹⁴⁰ khasiatnya hangat lagi basah pada darjat yang kedua, faedahnya memberi manfaat pada segala penyakit saudawi dan menyembuhkan sakit kepala saudawi. Dan lagi banyak faedahnya seperti sabda Nabi S.A.W., [136]ertinya apabila berminyak seorang daripada kamu maka hendaklah dimulai berminyak itu daripada keningnya kerana bahwasanya mengelakkan sakit kepala.

Sayugianya bagi segala manusia jangan ia makan makanan yang hangat keduanya atau sejuk keduanya atau kering keduanya atau basah keduanya maka yang demikian itu memberi mudharat adanya, seperti susu dimakan dengan ikan atau susu dimakan dengan labu atau susu dimakan dengan mentimun dan barang sebagainya dan jika hendak dimakan juga yang demikian itu maka hendaklah disertakan dengan yang hangat atau dengan sejuk sepatut pada khasiatnya makan makanan itu supaya hilang mudaratnya.

¹³⁹ Rosa damascena

¹⁴⁰ Sesamum indicum

Adapun ubat segala penyakit itu sekeliannya berlawan-lawanan umpamanya jikalau penyakit itu sejuk maka ubatnya itu hangat, jika penyakit itu hangat maka ubatnya itu sejuk demikianlah qiyas tiada faqir melanjutkan perkataanya sehingga mengambil simpan juar.

Maka dimulai faqir setengah daripada hikayat yang manasabah dengan dia.¹⁴¹

Kata Imam Syafii r.a. ada seorang di benua Farsi bernama Malik Shah terlalu tembun maka kesakitan ia daripada sangat tembun itu maka disuruhnya himpukkan [137]segala tabib mengubat dia supaya kurang tembunnya maka diubati oleh segala tabib akan dia maka tiada jadi daripada ubat itu, lalu ia bertitah kepada segala tabib itu, "jikalau tiada kamu ubati akan daku nescaya ku bunuh akan kamu sekalian", maka dukacitalah segala tabib membicarakan ubat raja itu maka berdatang sembah seorang tabib yang lain terlalu bijaksana,"Ya tuanku Shah Alam, bahawasanya hambalah mengubati tuanku tetapi perhamba mohonkan ke bawah duli Shah alam bertangguh tiga hari lamanya kerana diperhamba Shah alam lagi handak melihat di dalam nujum hingga diperhamba lihat pada raksi Shah Alam mana ubat yang patut akan duli Shah Alam", maka titah raja itu "baiklah", setelah itu maka tabib itupun kembalilah.

Telah sampai tiga hari lamanya maka dititahkan raja panggil akan dia maka tabib itupun datanglah mengadap raja seta ia berdatang sembah, "Ya Tuanku Shah Alam baru diperhamba lihat pada raksi Shah Alam tiada lagi tinggal dari umur duli Shah Alam itu melainkan empat puluh hari juu jika ada sembah diperhamba itu benar maka duli tuanku titahkan lah pada perhamba jika ada sembah perhamba itu dusta maka barang yang dititahkan oleh [138] Duli Shah Alam perhamba junjunglah", kemudian

¹⁴¹Dalam sastera Arab dan Farsi, adalah menjadi satu kebiasaan yang popular memasukkan anekdot-anekdot yang kenali dengan nama *Nawadir* dimana kisah-kisah ini bersifat sejarah atau lagenda. Anekdot-anekdot seperti ini akan dikumpulkan dalam satu bahagian dalam kitab-kitab seperti perubatan. Lihat Browne, hal. 73.

disuruh oleh raja penjarakan akan tabib itu maka dipenjarakan oranglah akan dia maka pada ketika itu juga raja pun telalu amat dukacita dengan masghul hatinya akan mati dan ditinggalkannyalah segala permainannya itu serta ia khalwat daripada segala manusia pada sehari-hari maka kuruslah ia dan bertambahlah dukacitanya hati maka genaplah empat puluh hari seperti janji kata tabib itu. Araikan maka disuruh raja panggil akan tabib itu maka itupun datanglah tatakala hadir ia di hadapan raja maka di lihatnya raja itu pun kuranglah tembun maka titah raja itu kepadanya, "Hai Tabib mana kebenaran katamu yang demikian itu", maka sembah tabib itu "Ya tuanku Shah Alam bahawa diperhamba ini hakim kerana hakim itu mengubati segala penyakit barang yang patut akan ubatnya penyakit itu maka perhamba lihat akan ubat duli Shah Alam itu tiada ada suatu jua pun melainkan percitaan jua maka sebab itulah diperhamba hukumkan dengan yang demikian itu". Maka raja pun suka serta dipersalinannya akan tabib itu dengan persalinan yang amat indah-indah dianugerahinya dengan beberapa harta yang amat banyak. Nasihat sayugianya bagi segala orang yang beriman jangan sangat ia percitaan melainkan pada segala pekerjaan akhirat jua seperti sabda Nabi bermula percitaan itu setengah tua.

Hikayat segala persetua, pada satu hari [139]datang beberapa hukama menanyai Bu Zur Jamir Hakim¹⁴² "Tuan hamba ajarkan apalah kiranya akan kami daripada perkataan hikmat barang yang memberi manfaat dengan dia akan ruh dan akan jasad bahawa sekelian kami hendak mengamalkan dia supaya tiada memberi mudharat daripada sebabnya. Bahawa Allah Taala jua membalaskan barang yang tuan ajarkan akan kami itu". dengan kebijakan maka sahut Bu Zur Jamir Hakim "ketahui oleh tuan hamba sekelian serta dengan yakin empat perkara menambahkan cahaya

¹⁴² Ejaan dalam teks adalah ejaan yang salah kerana menulisnya sebagai Abu Zar Jauhar dan sebagainya, Tokoh yang sebenar yang dimaksudkan ialah Bu Zur Jamir seorang doktor yang terkenal dalam zaman pemerintahan Raja Anusriwan di Parsi dalam abad ke 5 Masihi. Lihat *EI*, s.v. Buzurdjmir

mata, dan empat perkara mengurangkan cahaya mata, empat perkara menembunkan tubuh serta dengan sihat, dan empat perkara menguruskan tubuh serta binasanya, dan empat perkara menghidupkan hati, dan empat perkara mematikan hati.

Adapun empat perkara yang menambah cahaya mata itu pertama; memandang kepada yang hijau, kedua; memandang kepada air yang mengalir lagi jernih, ketiga; memandang kepada muka kekasih kamu, keempat; sentiasa bercelak. Adapun empat perkara yang mengurangkan cahaya mata itu pertama; makan makanan yang manis, kedua; menjiruskan air hangat ke atas kepala, ketiga; memandang sentiasa kepada matahari, keempat; memandang kepada seteru. Adapun empat perkara yang menembunkan tubuh serta dengan sihat itu, pertama; memakai kain yang berkenan, kedua; selesai hati daripada dukacita, ketiga; mencium bau-bauan yang harum baunya, keempat; tidur [140]di atas miti yang amat lembut.

Adapun empat perkara yang menguruskan tubuh itu lagi membinasakan, pertama; makan daging balur yang kering, kedua; banyak jima', ketiga; lama berhenti di dalam permandian, keempat; tidur tetakala sudah makan melainkan sudah mencernakannya. Adapun empat perkara mensihatkan tubuh itu, pertama; makan makanan pada waktunya, kedua; memeliharakan ketentuan adatnya segala sesuatu, ketiga; menjauhi daripada segala pekerjaan yang segera, keempat; jangan dukacita pada yang tiada dapat. Adapun empat perkara yang membinasakan tubuh itu iaitu pertama; sentiasa berjalan, kedua; mengenderai kuda yang nakal, ketiga; berjalan pada ketika lelah, keempat; jima dengan perempuan yang tuha.

Adapun empat perkara yang menghidupkan hati itu, pertama; aql yang memberi manfaat, kedua; guru yang alim, ketiga sekutu dengan yang kepercayaan dan isteri yang maufakat, keempat; tolan yang mentolongi dia. Adapun empat perkara yang

mematikan hati itu pertama; dingin yang amat sangat, kedua; angin yang hangat, ketiga; asap yang memberi kesakitan, keempat; ketakutan daripada seteru.

Kata sahibul hikayat adapun zaman Nusriwan Adil ada seorang tabib terlalu amat bijaksana lagi tua dan terlebih tahunya daripada segala [141]tabib segala peri. Pada satu hari Raja Nusriwan Adil pergi ia kepada tabib itu takut ia akan mati tabib itu, dan tiada diperolehnya hikmat. Kemudian daripadanya di panggil raja Nusriwan akan tabib itu maka ia pun datanglah mengadap, maka raja bertitah kepada tabib,"Hai tabib ceritakan olehmu akan daku barang yang dapat boleh ku amalkan dengan dia selama hidupku takut kemudian daripadanya tiada kabar oleh yang tahu seperti kamu", maka sembah tabib itu "Ya tuanku Shah Alam baiklah diperhamba sembahkan iaitu sepuluh perkara ini jikalau diamalkan duli Shah Alam yang sepuluh itu nescaya tiadalah sakit selama hidup Shah Alam. Pertama; jangan Shah Alam makan selagi belum mencernakan makanan itu di dalam perut ertiya belum hancur makanan itu di dalam perut. Kedua; jangan Shah Alam makan barang yang memberi mudharat sakit gigi daripada memamah makanan itu maka iaitu jadi lemah perut daripada mencernakan makanan itu. Ketiga; jangan Shah Alam makan suatu ubat sebelum berkehendak kepada ubat itu. Keempat; berbanyakkan darah di dalam tubuh Shah Alam maka itu adalah memeliharkan akan diri. Kelima; jangan Shah Alam menahani qadha hajat, apabila ada hajat jikalau Shah Alam di atas kuda sekalipun supaya jangan menjadi karang-karang. Keenam; jangan Shah Alam menahani lapar [142]tatakala berkehendak pada makanan. Ketujuh; bawa diri Shah Alam ke tandas dahulu daripada tidur. Kedelapan hendaklah Shah Alam mandi air hangat di dalam hamam dua hari sekali maka iaitu mengeluarkan penyakit daripada dalam tubuh barang yang tiada mengeluarkan dia itu. Kesembilan; jangan Shah Alam berbanyak jimak, adapun berbanyak jima' itu menghilangkan cahaya hidup. Kesepuluh; jangan Shah Alam setubuh dengan perempuan tuha iaitu mendatangkan penyakit atau jimak dengan

perempuan lama ditinggalkan oleh suaminya, itupun satu racun. Maka tatakala didengar raja Nusriwan Adil segala nasihat tabib itu maka dititahkan raja Nusriwan Adil suratkan nasihat yang sepuluh itu dengan air mas disuruhnya taruh di dalam cembul emas serta dititahkan raja Nusriwan Adil akan yang memegang perbendaharaan membawa surat itu pada tiap-tiap hari sekali kehadapannya maka diamalkan seperti nasihat yang tersebut di dalam surat itu maka tiadalah ia merasai sakit tubuhnya selama ia hidup.

Hikayat sekali peristiwa pada satu hari berhimpun segala tabib di hadapan sultan Rom maka sabda sultan Rom akan mereka itu, "Hai segala tabib apa kepala segala ubat perut hati manusia". Maka masing-masing mereka itupun menyembahkan pengetahuannya maka ada di dalam antara mereka itu seorang tabib berdiam diri maka selesai daripada mereka itu berdatang sembah maka sabda sultan Rom akan tabib yang berdiam itu, "Hai tabib [143] mengapa engkau berdiam diri katakan oleh mu" maka sembahnya iaitu "Tuanku Shah Alam bahawa perhamba sembahkan oleh segala tabib itu adalah ia memberi manfaat setengah manfaat jua tetapi kepala segala ubat itu tiga perkara jua, pertama; jangan dimakan makanan melainkan tetakala ingin akan makanan itu. Kedua; jangan makan daging yang belum sempurna masaknya. Ketiga; jangan diperlukan sesuatu makanan melainkan dimamah lumat-lumat".

Kata sahibul hikayat sekali peristiwa, pada satu hari raja benua Rom¹⁴³ menitahkan segala tabib pun berhimpunlah maka ada tabib yang terlebih tahu daripada segala tabib itu empat orang, pertama tabib benua Rom, kedua tabib benua Khurasan, ketiga tabib benua Hindi, keempat tabib benua Habshah. Maka kata raja akan mereka itu "Hai segala tabib hendaklah kamu bicarakan menentukan suatu ubat akan daku

¹⁴³ Dalam kitab-kitab Tibb, seperti Ms. 33 DBP, dan juga lain-lain kitab Tibb, anekdot ini dirujuk kepada Raja Nusriwan adil dan bukan raja Rom.

yang jangan aku merasai penyakit melainkan maut juga", maka berdatang sembah mereka sekalian, "Ya tuanku Shah Alam hamba mu meminta tangguh barang tiga hari" maka dikabulkanlah tangguh mereka itu, tatakala genap tiga hari maka mereka itu pun mengadap [144] serta berdatang sembah. Pertama daripada mereka itu tabib Rom, demikian sembahnya, "Ya Tuanku Shah Alam hendaklah Shah Alam menyantap jemuju Qas pada tiap-tiap pagi sejemput supaya tiada Shah Alam merasai sakit hingga maut", kemudian daripada itu maka berdatang sembah tabib Khurasan, demikian sembahnya "Ya Tuanku Shah Alam hendaklah menyantap air hangat pada tiap-tiap pagi tiga teguk supaya tiada Shah Alam merasai penyakit hingga maut". Kemudian maka berdatang sembah tabib Hindi demikian sembahnya "Ya Tuanku Shah Alam hendaklah menyantap sebuah buah kedekai pada tiap-tiap pagi supaya tiada Shah Alam merasai penyakit hingga maut". kemudian daripada itu adalah tabib Habshah berdiam diri maka sabda raja akan dia, "kata juga oleh mu apa yang ada pada mu", maka sembahnya, "Ya Tuanku Shah alam akan kata tabib Rom akan jemuju Qas itu khasiatnya barangsiapa sentiasa memakan dia nescaya jadi penyakit safrawi iaitu penyakit hangat dan kata tabib Khurasan akan air hangat itu khasiatnya barang siapa meminum dia nescaya menghancurkan lemak yang di dalam hati dan kata tabib Hindi itu kedekai itu khasiatnya[145] barang siapa memakan dia pada tiap-tiap pagi nescaya menghancurkan perut.

Kata raja "apa ada pada mu?", maka sembahnya , "Ya Tuanku Shah Alam bahawa diperhamba ada, hendaklah tuanku menjadikan perut itu tiga bahagi, sebahagi akan berisi makanan dan sebahagi lagi akan berisi minuman dan sebahagi akan tempat nafas keluar masuk, nescaya tiada dalam tuanku merasai sakit melainkan maut juga".

Maka Sayugianya bagi yang beriman mengerjakan seperti kata tabib Habshi itu supaya terpelihara tubuhnya daripada segala penyakit seperti sabda Nabi S.A.W ertinya tiada daripada bejana yang dipenuhi anak adam itu terlebih jahat daripada perutnya dan jika ada ia tiada dapat tiada diisinya juga.

Kata Jalinus al-Hakim, tujuh perkara yang mempusaki kealpaan manusia itu. Pertama; mendengar kata-kata yang tiada memberi manfaat lagi tiada di masuk di dalam hati. Kedua; membuang darah daripada tengkoknya. Ketiga; membuang hajat seni pada air yang tenang. Keempat; berbanyak makan makanan yang masam. Kelima; menilik kepada muka mayat. [146]Keenam; berbanyak tidur. Ketujuh; sentiasa menilik pada tempat yang binasa.

Dan yang mempusaki kelupaan itu tujuh perkara. Pertama; sangat balgham. Kedua; tertawa gelak-gelak, ketiga, berbanyak makan makanan yang masam, keempat; berbanyak makan daging yang lemak, kelima; berbanyak jimak, keenam; berjaga serta letihnya. Ketujuh; memakan segala makan-makanan yang sejuk khasiatnya dan segala makan-makan yang lemak, maka jika dimakannya sekelian itu bertambahlah kelupaannya. Bab al Tasrīḥ wa- Tibb, wal Lāh hu 'aq lam.

Lampiran II

Koleksi Naskah-Naskah Melayu Lama tentang Perubatan di Malaysia

Dalam satu tinjauan awal yang dilakukan dalam tahun 1991 di beberapa buah institusi dan perpustakaan di Malaysia didapati terdapat sejumlah besar kitab-kitab perubatan Melayu tradisional tersimpan dengan baik dan jarang dikaji oleh pengkaji-pengkaji tempatan dan luar negeri di institusi-institusi ini. Beberapa maklumat tentang manuskrip dan kitab-kitab yang berselerak ini setengahnya telah dikumpulkan dan diterbitkan dalam katalog-katalog institusi berkenaan. Oleh kerana kitab-kitab dan manuskrip ini agak unik dan memerlukan masa yang banyak untuk menganalisisnya, katalog yang disediakan belum cukup lengkap untuk membantu penyelidik yang ingin menyelidik bidang perubatan melayu tradisional. Terdapat manuskrip yang diletakkan di bawah indek "hikmat" dan ada yang diletakkan dalam indek "mistik". Pun begitu dipercayai masih banyak kitab-kitab perubatan dalam bahasa melayu yang masih belum diketahui kerana bercampur aduk dalam koleksi manuskrip yang belum dikatalogkan ataupun dalam simpanan orang perseorangan.

Manuskrip dan kitab yang diketahui ini boleh dibahagi kepada beberapa jenis,

A. Manuskrip perubatan klasik

Manuskrip yang paling awal yang diketahui ditulis dalam bidang perubatan dan juga anatomi ialah Fasal 3 dalam Bab 7, *Kitab Bustān al-Salātīn* yang di tulis oleh Shaykh

Nūr al-Dīn al-Rānī di Aceh dalam tahun 1638. Salinan manuskrip ini boleh diperolehi di beberapa tempat termasuk di Malaysia, Indonesia dan juga Patani, Thailand.

B. Korpus Kitab-kitab Tibb

Kitab-kitab Tibb ini adalah nama yang diberi kepada kitab perubatan yang menghimpunkan beberapa ilmu pengetahuan orang Melayu yang berkaitan dengan materia medika dan juga lain-lain dan biasanya tidak mempunyai nama pengarang kecuali sesetengahnya mempunyai nama penyalin. Kitab-kitab Tibb ini kebanyakannya masih dalam bentuk manuskrip. Kebanyakan manuskrip kitab Tibb yang ditemui tidak lengkap dan setengahnya boleh dikatakan dalam bentuk fragmen-fragmen. Setiap teks mempunyai halaman dan isi kandungan yang tidak semestinya sama. Kandungannya terdiri daripada beberapa jenis atau isi seperti berikut;

1. Persediaan untuk menjadi tabib
2. Teori tentang penyakit
3. Farmakologi dan rawatan therapautic untuk berbagai jenis penyakit
4. Azimat dan ilmu huruf atau wafaq
5. Pengetahuan-pengetahuan am tentang binatang dan lain-lain
6. Teknologi

Beberapa institusi dalam negeri yang menyimpan manuskrip yang boleh digolongkan sebagai kitab Tibb adalah seperti berikut;

I) Perpustakaan Negara Malaysia

Manuskrip di Perpustakaan Negara diletakkan di bawah koleksi Pusat Manuskrip Negara, Manuskrip perubatan yang telah dikatalogkan adalah;

1. MS. 300³⁸
2. MS. 318⁷⁷
3. MS. 445
4. MS. 468
5. MS. 482
6. MS. 489
7. MS. 598
8. MS. 623
9. MS. 699
- 10.MS. 747
- 11.MS. 759
- 12.MS. 813
- 13.MS. 823
- 14.MS. 845
- 15.MS. 855
- 16.MS. 1067
- 17.MS. 1072(Nama lain ialah kitab penawar)
- 18 MS. 1073
- 19.MS. 1078
- 20.MS. 1118
- 21.MS. 1251
- 22.MS. 1375
- 23.MS. 1398
- 24.MS. 1407
- 25.MS. 1412
- 26.MS. 1458
- 27.MS. 1467

28.MS. 1468

29.MS. 1477

II). Di Dewan Bahasa dan Pustaka

1. MS. 33 (sebenarnya ia adalah salinan foto dari manuskrip asli - Walau bagaimanapun ia dianggap oleh DBP sebagai manuskrip)
2. MS. 47
3. MS. 47
4. MS. 101
5. MS. 38
6. MS. 183
7. MS. 189

III). Di Muzium Terengganu

1. 84.267(7)
2. 84.623
3. 84.624
4. D71
5. D72
6. D81
7. D102

IV). Di Arkib Terengganu

Terdapat dua buah manuskrip tentang Tibb yang masih belum dikatalogkan.

V). Dalam Perpustakaan Universiti Malaya

1. Manuskrip 115
2. Manuskrip 253
3. Salinan foto manuskrip Kitab Tibb yang dipunyai oleh Tengku Su dari Terengganu. Kitab ini mempunyai beberapa persamaan dengan MS. 33 DBP dan ia disalin agak terkemudian iaitu dalam tahun 1950 an.

VI). Di Pusat Islam

Berdasarkan bibliografi manuskrip Islam di muzium Islam Malaysia¹ di Pusat Islam, di berikan sebanyak 18 manuskrip yang tergolong dalam bidang perubatan tradisional. Terdapat juga manuskrip yang dimasukkan di bawah kategori/bidang Hikmat dan dipercayai mempunyai ciri-ciri sebuah kitab Tibb ataupun bercampur aduk antara ilmu perubatan dengan lain-lain pengetahuan.

VII). Di Kolej Agama Sultan Zainal Abidin

1. MSP 9

VIII). Dalam Koleksi MISBAHA (Dato Setia Jasa Haji Muhammad Salleh Bin Awang)

Kitab Tibb yang dikarang oleh Tok Paluh (dalam bahasa Arab) Maklumat lanjut tidak dapat diperolehi kerana apa yang dapat dilihat oleh pengkaji hanyalah salinan foto fragmen kitab ini. Manuskrip asal ada dalam simpanan Dato Muhammad Salleh.

¹ Engku Ibrahim Ismail dan Osman bakar (Penyelenggara), *Bibliografi Manuskrip Islam di Muzium Islam Malaysia*. (Kuala Lumpur: BHEIS dan Akademi pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1992)

C. Kitab-kitab Jawi

Kitab-kitab ini bertulisan jawi dan dicetak terbit dalam bahasa Melayu klasik. Ia di cetak di luar Negeri seperti di Makkah dan kemudian ke hantar ke Asia Tenggara dan ada yang di cetak di Pulau Pinang dan juga Singapura. Antara yang terkenal dan masih boleh diperolehi dengan mudah ialah;

1. *Kitab Taiyib al-Ihsān Fi Tibb al-Insān* oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani. Dicetak dua kali di Mekah,dalam tahun 1895 dan dalam tahun 1914 dan dicetak di Pulau Pinang dalam tahun 1954 oleh Persama Press.
2. *Kitab Luqtatul Ajlan* oleh Syekh Ahmad bin Muhammad Zain al-Fatani Dicetak di Mekah dalam tahun 1884 . Mengandungi ilmu-ilmu tentang fadhilat ayat al-Quran, Doa-doa, ilmu wafaq dan ilmu perubatan.
3. *Kitab Hadiqatul Adzhar* Oleh Syekh Ahmad al-Fatani. Di cetak di Mekah dalam tahun 1890. Sebuah tulisan yang ensaiklopediak yang mengandungi ilmu sejarah, bahasa, pengetahuan am dan juga perubatan.

D. Kitab-kitab Terjemahan

Kitab-kitab perubatan ini diterjemahkan atau disadur dari karya-karya Arab. Kandungannya biasanya terdiri daripada berbagai jenis ilmu seperti ilmu perubatan, ilmu tentang doa dan fadhilat ayat-ayat al-Quran, astrologi, ilmu huruf, taabit mimpi dan lain-lain. Antara kitab-kitab jenis ini yang ditemui di Malaysia ialah;

1. *Kitab Mujarabad Melayu*
2. *Kitab Tajul Muluk*
3. *Kitab al-Fawaaid*

ایت سعی کفہ وله کاید ایت مک ساہن لخلاک ایت لمق ایت سعی مک کاتا یا بس کند
 بی عذ و الله بی یوون ایت کل ایت چو ایت کن ایت قولتم ایت مک ساہن توں معقفن
 لم کیوان الله بی یوون ایت دیفان الله تعالی ایت توں کمک کمک ایت ایش هو ایله
 اکیت کل ایت ایت توں دهون او عله سنتله ایت مک لخلاک ایت یون دان عله مک
 کل ایش ایش اکنی بی یوون تله ایت ایت ایت ایت ایت ایت ایت ایت ایت
 کرو معن پشی خیان بیدله بیعنی مل جشن کن قرکشان هنگل میبل سمنن جسی
 فض **الله** ریختن دهیشانکن عیم شیر سودان عیم طبی دان
 باز غیب و ایت یون کندان سر دعن بیراق حکایه بیغ مناسبة دعندی ادفون
 عیم سرخی ایت یا ایت سواه فعڑیون اکن سخن باز غیب کجین ایت کوست بیغ ادلم
 وجود انسان کاش کل اعلیه بیهو کجین انسان ایت قراطام در فرد کل کجین
 مخلی بعلاین سفره ذرمان الله تعالی بیغ کریپ دالم قرآن لخلو الشموات
 اکن بی رمین خلائق النّاس ادله کجین تو جذفال ایت تر لبیه بس
 در فرد کجین مانسی مک بنا کسرقه ذرمان الله تعالی این بیهو کجین انسان ایت
 تر لبیه بس در فرد کلین کجین سفره سبد ابی صلی الله علیه وسلم

لَيْسَ شَيْئاً خَيْرٌ مِنَ الْفَوْتَلَهُ إِلَّا إِلَّا سَيْانٌ أَمْ تَذَنْتَ بِعَادِجَوْ سَوَاهُ -
 يُغَيْرُ لِبِهِ يَا يَكْ دَرْ قَدْرَ شَرِيْ سَيْلَكْ مِنْ كَيْنَانِ إِنْسَانٍ كَاتْ سَيْكَاعِلَمَا اِنْعَاقَ دَعْنَ
 سَهْلَ حَمَالَدَرْ شَنْسُوكْ بِسْكَالَكْوَرْ تَعْوَادَهَالَمْ وَجُودَإِنْسَانٍ إِيْتَ اِعْنَتْ قَوْلَهُ
 فَرَتَامَ كَفَالَيْتَ دَجَدَلَكَ اللَّهُ تَعَالَى رَقْدَرْ تَعِيْهَ تَوْلَعَكَدْ وَفِيقَ دَانَ دَكَنَ
 يَا يَاتَ اِيْقَنَبَلَصَنَ تَوْلَعَ فَارِدَيْكَ فَوْلَهُ دَوْكَنَكَيْكَ تَوْلَعَ يَا وَيَا يَاتَ سَوَاهُ تَوْلَعَ
 حَوْنَكَافَشَلَعَنَبَلَهَبَلَهَبَلَهَ تَوْلَعَكَطِيمَهَسَتَ يَا يَاتَ دَوْتَوْلَعَكَطِيمَبَلَكَعَ
 تَأْفَقَ شَاهَنَبَلَهَبَلَهَبَلَهَ تَوْلَعَكَتَوْجَهَتَأْفَقَ شَاهَنَبَلَهَبَلَهَ يَا يَاتَ اِعْقَتَ تَوْلَعَكَدْ وَلَافَنَ
 لَهَمْ بَعَارَتَفَتَيْنَ بَسَالَهَبَعَالَهَيْكَ تَوْلَعَكَسَمَبِيلَانَبَاتَعَلَهَبَلَهَ يَا يَاتَ تَوْجَهَتَوْلَعَ
 كَسْفَوْلَهَلَخَلَقَوْمَيَا يَسِيدَ وَتَوْلَعَكَسَبَسَ دَادَيَا يَاتَ تَوْجَهَتَوْلَعَكَهَفَلَ
 بَلَسَبَلَكَعَ يَا يَاتَ تَوْجَهَتَوْلَعَكَمَقِيكَبَلَسَرَوْسَقَيَا يَسِيدَ دَوْنَوْلَهَ اِعْقَتَ تَوْلَعَ
 كَلَمَقِيهَبَلَسَ فَكِيْكَيَا يَشَتَيْكَ تَوْلَعَكَلَمِيمَبَلَسَ اِرَيْ يَا يَاتَ دَوْنَوْلَعَكَانَمَبَلَسَ
 فَاهَيَا يَاتَسِيَا تَشَنَوْلَعَجَوَا تَرَنَسِرَقَدَهَلَتَوْلَعَكَتَوْجَهَبَلَسَبَسَ يَا يَاتَ
 دَوْنَوْلَعَكَدَوَلَافَنَبَلَسَتَأْفَقَكَهَلَسَرَهَلَكَعَ دَانَ اِنَقَجَارَهَسَرَهَ
 تَوْمَنَبَلَهَ يَا يَاتَ دَوْقَوْلَهَ اِنَمَ تَوْلَعَكَسَمَبِيلَانَبَلَسَتَوْلَعَيْعَمَدَكَدَوَفَهَلَهَ
 بِسْكَالَوَرَهَيْغَسَرَدَانَبَلَهَبَلَهَيْغَنَكَرَكَدَوَفَوْلَهَ اِسَمَقَ